

**KOLEKSI JAWAPAN
SOALAN SIDANG
DEWAN RAKYAT
DAN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KE-13
*(2017 - 2018)***

ISI KANDUNGAN

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA, 6 MAC HINGGA 6 APRIL 2017					
1	14 Mac 2017 (Selasa) (LISAN)	1	Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi nafas baru atau menaik taraf skim rondaan sukarela dan rukan tetangga di mana mereka akan menjadi persatuan atau pertubuhan yang akan mempunyai bajet sendiri dan ahli-ahli akan mempunyai elaun untuk perkhidmatan masing-masing.	DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)	1
2	22 Mac 2017 (Rabu) (LISAN)	23	Minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diperkenalkan untuk meningkatkan amalan toleransi agama di Malaysia bagi mengelak apa yang terjadi di negara-negara luar, tidak berlaku di negara kita.	TUAN FUNG KUI LUN (BUKIT BINTANG)	4
3	28 Mac 2017 (Selasa) (LISAN)	24	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perpaduan sejati telah wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini demi masa depan Negara kita. Apakah indikator-indikatornya.	DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZIAH (TAMBUN)	8
4	4 April 2017 (Selasa) (LISAN)	4	Minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan	TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)	11

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.		
5	BUKAN LISAN	53	<p>Minta PERDANA MENTERI menyatakan :</p> <p>(a) apakah jenis program (yang efektif) yang telah dirancangkan oleh pihak Kerajaan untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama; dan</p> <p>(b) apakah "cerita kejayaan" dalam hal ini, sekiranya ada dan apakah sebab-sebab yang ketara mengapa sesetengah pihak cuba untuk menggagalkan usaha murni Kerajaan ini.</p>	DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)	14

DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA, 17 HINGGA 27 APRIL 2017

1	20 April 2017 (Khamis) (LISAN)	41	Minta PERDANA MENTERI menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini.	DR. ZAIEDI HAJI SUHAILI	19
2	24 April 2017 (Isnin) (LISAN)	16	Minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kedudukan terkini penggubalan Akta Harmoni Nasional yang telahpun dicadangkan sejak tahun 2012.	DATUK NG CHIANG CHIN	23

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
3	24 April 2017 (Isnin) (LISAN)	69	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status atau pencapaian ketegangan hubungan etnik atau perkauman di Malaysia dan bagaimana Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan dapat memastikan 'moderation' diterapkan serta mengurangkan masalah atau menghukum individu menyebarkan ungkapan sentimen perkauman dan ucapan sensitif perkauman.	TUAN CHIA SONG CHENG	26
4	27 April 2017 (Khamis) (LISAN)	61	Minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak kebelakangan ini, dapat dilihat perasaan cinta dan sayangkan/hormat kepada negara sudah berkurangan. Buktinya apabila lagu Negaraku berkumandang, ada yang terus berjalan dan tidak berhenti seketika tanda hormat kepada lagu Kebangsaan. Apakah Kerajaan khususnya Kementerian bercadang untuk menggubal satu akta atau undang-undang agar individu yang tidak berhenti ketika nyanyian Negaraku berkumandang diambil tindakan atau dihukum.	DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAT YASIM	30
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA, 24 JULAI HINGGA 10 OGOS 2017					
1	25 Julai 2017 (Selasa) LISAN)	28	Minta PERDANA MENTERI menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi laporan <i>Global Peace Index</i> 2016 oleh Institute for Economics and Peace menyebut bahawa Malaysia termasuk dalam kalangan 30 negara yang paling aman di	DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)	33

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			dunia.		
2	25 Julai 2017 (Selasa) (LISAN)	66	Minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menggalakkan kesederhanaan dan pluralisme di negara ini sejajar dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi mencegah Malaysia dari menjadi tapak yang subur bagi pembiasaan ekstremisme dan keadaan-keadaan yang tidak disukai (<i>intolerance</i>).	TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)	36
3	27 Julai 2017 (Khamis) (LISAN)	72	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah insentif yang disalurkan kepada KRT yang mengamalkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan apakah kebajikan yang diberikan kepada ahli SRS memandangkan SRS ini dapat membantu pihak PDRM mencegah kes jenayah di samping dapat mengeratkan lagi silaturahim penduduk setempat.	DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)	40
4	2 Ogos 2017 (Rabu) (LISAN)	29	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mewujudkan negara Malaysia berbilang kaum yang bersatu-padu dan bekerjasama antara satu sama lain serta tiada jurang perkauman ‘racist’.	DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZIAH (TAMBUN)	43
5	7 Ogos 2017 (Isnin) (LISAN)	87	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan membendung fahaman sempit agama yang menimbulkan	DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA (PARIT	47

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			kebencian antara kaum dan berbagai agama di negara ini.	BUNTAR)	
6	9 Ogos 2017 (Rabu) (LISAN)	49	Minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam memastikan keharmonian antara kaum dan masyarakat Malaysia tidak tergugat oleh kumpulan-kumpulan pelampau yang memainkan sentimen agama dan kaum dalam cubaan memecahbelahkan rakyat.	TUAN LIM KIT SIANG (GELANG PATAH)	51
7	10 Ogos 2017 (Khamis) (LISAN)	18	Minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan menggerakkan serta menggalakkan politik nilai, politik ilmu, keadilan dan kebenaran, mengelak politik adu domba, politik caci maki, politik perkauman, pecah belah dan kebencian kaum, agama serta budaya bagi memelihara keharmonian masyarakat.	DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI (BATU PAHAT)	56
8	BUKAN LISAN	48	Minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang dirangka bagi memastikan tahap keharmonian dan kesepadan sosial sesama kaum di negara ini terus dipupuk dan keharmonian antara masyarakat sentiasa dipelihara.	TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA (KETEREH)	60
9	BUKAN LISAN	526	Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pendaftaran Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang direkodkan setakat Januari 2017 sebagai usaha serta sejauh manakah	DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)	64

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			skim ini telah membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah di kawasan komuniti setempat sejak diperkenalkan pada tahun 2004.		
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA, 14 HINGGA 22 OGOS 2017					
1	14 Ogos 2017 (Isnin) (LISAN)	32	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedang atau bercadang mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Khas bagi isu-isu yang berkaitan agama Islam dan bukan Islam bagi menangani isu-isu sensitif antara agama agar kekeliruan dalam masyarakat tidak berlaku setiap kali terdapat kes berkaitan, disamping menghormati prinsip dan hak setiap agama terhadap penganutnya. Jika ia sudah diwujudkan nyatakan sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa ini.	DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @ ABBAS	70
2	21 Ogos 2017 (Isnin) (LISAN)	1	minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab	TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN	76

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
3	BUKAN LISAN	52	minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah KRT, beberapa KRT yang aktif, beberapa KRT yang menjalankan Skim Rondaan Sukarela di negeri Johor, dan juga di setiap daerah di negeri Johor setakat ini.	TUAN CHIA SONG CHENG	81
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA, 23 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2017					
1	23 Okt 2017 (Iasnin) (LISAN)	47	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi. Sekiranya ada, bilakah akta-akta tersebut akan dibentang di Parlimen.	TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]	83
2	31 Okt 2017 (Selasa) (LISAN)	12	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membangunkan Malaysia Timur dan menunaikan hak kebijakan kepada rakyat Sabah dan Sarawak supaya dapat meredakan ketegangan hubungan, mencapai jaminan keharmonian, keamanan dan keselamatan negara serta mengelakkan kemasukan campur tangan asing.	DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]	87
3	2 Nov 2017 (Khamis) (LISAN)	3	minta PERDANA MENTERI menyatakan pada tahun berapakah wawasan untuk mewujudkan kesatuhan, keharmonian dan kerjasama tulen bagi masyarakat Malaysia yang berbagai kaum akan tercapai.	DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]	91

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
4	8 Nov 2017 (Rabu) (LISAN)	3	minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme pelaksanaan kawasan rukun tetangga (KRT) dalam menyatupadukan masyarakat dan sejauh manakah kejayaan program skim rondaan sukarela mengurangkan kadar jenayah di negara ini.	PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]	94
5	20 Nov 2017 (Isnin) (LISAN)	41	minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan memberhentikan amalan "Politics of Fear" seperti membangkit isu-isu kaum, agama dan raja (Isu 3R- Race, Religion & Royalty) dan penahanan musuh-musuh politik secara tidak mengikut prosedur dan tuntutan masyarakat bertamadun.	DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]	100
6	28 Nov 2017 (Selasa) (LISAN)	11	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam memastikan hubungan antara kaum berada dalam tahap yang sihat.	DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]	105
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA, 4 HINGGA 19 DISEMBER 2017					
1	4 Dis 2017 (Isnin) (LISAN)	42	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan serius dalam usaha-usaha memelihara kesepadan dan keharmonian antara kaum sedangkan Kerajaan telah menolak ketiga-tiga RUU yang dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara,	TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH	109

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			telah membubarkan Majlis tersebut serta telah gagal mengumumkan butiran-butiran lanjut cadangan RUU baru walaupun sudah lima tahun sejak pengumuman asal.		
2	4 Dis 2017 (Isnin) (LISAN)	50	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha- usaha untuk mengelakkan sentimen kenegerian yang semakin menebal kerana semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dan agama semakin kurang. Demikian juga integrasi nasional di mana peranan itu banyak dilakukan oleh pihak swasta seperti Air Asia, CIMB Foundation dan lain-lain.	DATUK DR. LUCAS UMBUL	113
3	7 Dis 2017 (Khamis) (LISAN)	33	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal suatu akta baru bagi mengekang sifat kebencian di antara kaum dan agama, yang semakin menular khasnya melalui media baru.	DATUK IR. YONG WUI CHUNG	109
4	11 Dis 2017 (Isnin) (LISAN)	41	minta PERDANA MENTERI menyatakan Gejala penyebaran berita palsu dan fitnah sama ada dalam bentuk bertulis atau grafik melalui media sosial terutamanya "WhatsApp" kian berleluasa. Sejauh manakah JPNIN memainkan peranan untuk mengukuhkan perpaduan di saat keharmonian nasional kian terhakis. Apakah perancangan	DATUK DR. LUCAS UMBUL	117

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			JPNIN selari dengan TN50.		
5	11 Dis 2017 (Isnin) (LISAN)	71	minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan menggerakkan serta menggalakkan politik nilai, politik ilmu, keadilan dan kebenaran, mengelak politik adu domba, politik caci maki, politik perkauman, pecah belah dan kebencian kaum, agama serta budaya bagi memelihara keharmonian masyarakat.	DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS	121
6	12 Dis 2017 (Selasa) (LISAN)	53	minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah Kerajaan bagi memupuk toleransi beragama di negara ini khususnya bagi mengharmonikan hubungan antara umat Islam dan bukan Islam.	DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MAT YASIN	125
7	18 Dis 2017 (Isnin) (LISAN)	1	minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah Rukun Tetangga (KRT) di Sabah yang berdaftar dengan Kerajaan dan berapakah daripada mereka yang terlibat di dalam Projek Ekonomi Rukun Tetangga.	TUAN WILFRED YONG CHEN LEONG	128
8	BUKAN LISAN	14	minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme terbaik yang sedang dan telah dirangka oleh Kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum, menghormati agama antara satu sama lain dan tidak mencetuskan provokasi yang mampu meruntuhkan institusi perpaduan di dalam negara.	DATUK IR. YONG WUI CHUNG	131

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA, 5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018					
1	6 Mac 2018 (Selasa) (LISAN)	13	minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan segera dan jangka masa panjang Kerajaan dalam memperkuuhkan perpaduan dan integrasi antara wilayah di Malaysia bagi menangani masalah sentimen kenegerian yang negatif.	DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]	135
2	13 Mac 2018 (Selasa) (LISAN)	10	minta PERDANA MENTERI menyatakan elaun dan tugas untuk Datuk Heng Seai Kie sebagai Penasihat Hal Ehwal Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri	DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]	139
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA, 26 MAC HINGGA 5 APRIL 2018					
1	26 Mac 2018 (Isnin) (LISAN)	46	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha ke arah mengelakkan sentimen kenegerian yang semakin menebal memandangkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama semakin kurang. Demikian juga dengan integrasi nasional di mana peranan itu banyak dilakukan pihak swasta seperti Air Asia dan lain-lain.	DATUK JOHN AMBROSE	141
2	27 Mac 2018 (Selasa) (LISAN)	28	Minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah negara Malaysia akan menandatangani Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala	DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR	145

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			Bentuk Diskriminasi Ras atau ICERD dan apa sebabnya sehingga kini negara Malaysia tidak mahu meratifikasi ICERD.		
3	27 Mac 2018 (Selasa) (LISAN)	33	minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah iltizam Kerajaan untuk berkompromi dan bekerjasama dalam soal memperjuangkan kepentingan jurang perkauman di negara ini terutama dalam soal pembinaan negara bangsa.	TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN	148
4	27 Mac 2018 (Selasa) (LISAN)	42	minta PERDANA MENTERI menyatakan :- (a) apakah status terkini mengenai penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara atau 'Blueprint' Pelan Perpaduan Kesepaduan dan Penyatupaduan; dan (b) bilakah Rang Undang-undang Harmoni Nasional yang akan menggantikan Akta Hasutan 1948 dibentangkan.	DATO' ONG CHONG SWEN	154

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HJ ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)**

TARIKH : **14 MAC 2017 (SELASA)**

NO. SOALAN : **1**

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi nafas baru atau menaik taraf Skim Rondaan Sukarela dan Rukun Tetangga di mana mereka akan menjadi persatuan atau pertubuhan yang akan mempunyai bajet sendiri dan ahli-ahli akan mempunyai elaun untuk perkhidmatan masing-masing.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa memberi keutamaan kepada usaha-usaha menaik taraf dan membangunkan komuniti melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Sejajar dengan usaha ini, Pelan Tindakan Pemerkasaan KRT dan SRS telah disediakan sebagai hasrat memberi nafas baru agar selari dengan aspirasi untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni, progresif dan bersatu padu. Pada masa ini, JPNIN sedang dalam fasa terakhir untuk

memuktamadkan Pelan Tindakan ini sebelum diangkat untuk mendapatkan kelulusan Kabinet. Pelan ini secara keseluruhannya bertujuan mentransformasi dan meremajakan RT dan SRS melalui beberapa pendekatan strategik seperti berikut:-

- i) Menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan belia dalam jawatankuasa KRT dan SRS agar mereka dapat menjadi barisan pelapis yang lebih berwibawa dalam mengendalikan program / aktiviti KRT dan SRS;
- ii) Memberikan latihan kemahiran dan kepimpinan kepada ahli-ahli RT dan SRS supaya lebih berdaya saing dan kental mengharungi cabaran dan masalah komuniti setempat;
- iii) Meningkatkan keselamatan komuniti dan mengurangkan kadar jenayah melalui kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentara Malaysia (ATM) bagi mewujudkan komuniti yang lebih selamat dan sejahtera;
- iv) Memberi ruang untuk KRT berfikiran kreatif dan berinovatif agar dapat berdikari secara bersama dan mencari jalan untuk menujuhkan koperasi untuk membantu mereka memasarkan barang berkualiti dari projek ekonomi yang berjaya; dan
- v) Menggalakkan lebih ramai anggota KRT menguasai kemahiran mediasi agar mereka dapat memberikan perkhidmatan secara sukarela kepada penduduk setempat sekiranya berlaku sebarang konflik antara kaum terutamanya di kawasan *B40*.

Akta Rukun Tetangga 2012 memperuntukkan KRT dan SRS sebagai pertubuhan sukarela di bawah Kerajaan yang melaksanakan perkhidmatan dan aktiviti berhubung pengukuhan semangat kejiranan,

keamanan, keselamatan, kesejahteraan ekonomi, kualiti hidup, perpaduan dan keharmonian masyarakat. KRT menerima peruntukan Geran Tahunan yang bertujuan untuk membantu pembangunan komuniti secara menyeluruh dan bukan untuk pemberian elauan secara individu. Ini kerana perkhidmatan yang diberikan KRT dan SRS kepada komuniti adalah berlandaskan semangat sukarela. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menyokong kemendirian KRT dan sebagai tambahan kepada peruntukan yang diterima daripada Kerajaan, KRT digalakkan untuk berdikari bagi menjana sumber pendapatan sendiri melalui penghasilan produk-produk ekonomi yang berkualiti agar dapat dipasarkan.

Pendekatan strategik yang akan dilaksanakan melalui Pelan Tindakan sememangnya diharap memberi nafas baru kepada KRT dan SRS khususnya peningkatan peranan dan tumpuan KRT dan SRS dalam membantu komuniti di peringkat akar umbi untuk menjalani kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Fokus ini adalah selaras dengan hasrat mendayaupayakan KRT dan SRS agar menjadi pertubuhan yang lebih berdikari dan sekaligus membantu membangunkan ekonomi komuniti persekitarannya serta pemangkin kepada kesejahteraan komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FUNG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. SOALAN : 23

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan langkah-langkah yang diperkenalkan untuk meningkatkan amalan toleransi agama di Malaysia bagi mengelak apa yang terjadi di negara-negara luar, tidak berlaku di negara kita.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :

- a) **Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanupulasikan sehingga

menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum. Justeru, JKMPKA diwujudkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.

- b) Satu **Pelan Strategik** telah digubal oleh JKMPKA yang menggariskan mengenai **pengurusan isu dan penganjuran program** yang merangkumi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama.
- c) **Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama** melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai **forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan JPNIN**. Pada tahun 2016, JKMPKA dengan kerjasama JPNIN dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan 18 program dengan melibatkan seramai 8,200 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.
- d) JPNIN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan **program di peringkat Kebangsaan** seperti **Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (World Interfaith Harmony Week – WIHW)** dan **Hari Toleransi Sedunia**

(***International Tolerance Day***) di mana kedua-dua sambutan ini telah diisyiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah toleransi, keharmonian dan keamanan sejagat. Penganjuran program-program ini menunjukkan bahawa:

- i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
- ii) Ianya juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.
- iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama ke dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.

Walau bagaimanapun, **penghayatan terhadap mesej** yang telah disampaikan semasa pelaksanaan program-program ini hanya boleh dihayati dengan baik dan dirasai oleh masyarakat peringkat akar umbi jika **semua pihak memainkan peranan terutamanya** pihak **media** harus **berganding bahu dengan pihak kerajaan** bagi meningkatkan

usaha mereka dalam **menyemarakkan semangat perpaduan** melalui **hebahan dan promosi** yang dibuat agar mesej perpaduan dan kebersatuan yang ingin diwar-warkan dapat **difahami, dihayati dan diamalkan bersama oleh semua lapisan masyarakat** Malaysia tanpa sebarang prejedis dan sikap *ethnocentrism*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZIAH (TAMBUN)**

TARIKH : **28 Mac 2017**

NO. SOALAN : **24**

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah perpaduan sejati telah wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini demi masa depan negara kita. Apakah indikator-indikatornya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan namun bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana pemimpin negara berupaya mengurus kepelbagaian sehingga memperolehi pengiktirafan dan penghormatan oleh dunia luar dan dirujuk sebagai salah satu model negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

Antara petunjuk-petunjuk (indikator) samada dilakukan **secara kajian empirikal** atau **melalui pemerhatian (*observation*)** terhadap tahap kesepadan masyarakat Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Menurut Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), UKM menjelaskan bahawa tahap hubungan kaum di Malaysia berada pada **tahap ketegangan yang stabil (stable tension)**. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera dengan izin, “***we talk conflict but we walk cohesion***”.
- b) Malaysia juga berada pada kedudukan ke-30 daripada 163 buah **negara paling aman di dunia** pada tahun 2016 menurut Laporan Indeks Keamanan Sedunia.
- c) **Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)** oleh JPNIN memperlihatkan kelompok masyarakat masih berada di **tahap stabil dan terkawal**. Indeks ini menjadi suatu sistem amaran awal untuk memastikan ketegangan kaum dapat dikesan dengan lebih awal.
- d) Pujian Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama menyatakan **Malaysia merupakan sebuah negara moden, progresif dan berdaya maju biarpun mempunyai latar belakang masyarakat yang pelbagai etnik dan agama**.
- e) Pembentukan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada November 2013 membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan perpaduan nasional terus kekal melalui penyediaan **Blueprint Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan**.
- f) Kesungguhan Kerajaan merencana **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** dan menjemput semua rakyat Malaysia khasnya golongan muda rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk berkongsi suatu

idaman membentuk sebuah negara yang maju dan makmur serta rakyatnya yang hidup aman damai dan bersatu padu.

- g) Suatu lagi kajian oleh Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah KITA, UKM bertajuk ‘*Mamakization’ : Food and Social Cohesion in Multiethnic Malaysia*’ mendapati bahawa bersantai di restoran atau kedai mamak adalah salah satu landasan memupuk kesepaduan masyarakat pelbagai kaum, dengan izin, “***Food is a vital social cohesive element and also welding force for the nation. Food is the universal language to bring people together, across age, income, race and even culture***”.

Kesimpulannya, perlu diakui bahawa mengurus hubungan etnik merupakan satu usaha berterusan dan sentiasa memerlukan pemantauan dan mekanisme yang disesuaikan dengan perubahan persekitaran. Kejayaan hanya boleh dipertahankan jika setiap rakyat Malaysia masing-masing jujur dan ikhlas dalam memastikan perpaduan tidak dikompromi dengan desakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

TARIKH : 4 APRIL 2017 (SELASA)

NO. SOALAN : 4

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum dan persefahaman antara pengikut pelbagai agama bukanlah satu usaha yang mudah. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik dengan izin (**engage and educate**), JPNIN melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

- a) **Memperkasakan kepimpinan 7,707 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-**

isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

- b) Menyemai mesej keharmonian, kedamaian dan saling hormat-menghormati di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama di dalam program dan aktiviti seperti Sambutan **Moments of Unity**, Sambutan **World Interfaith Harmony Week**, **International Day for Tolerance**, **Dialog Harmoni** dan lain-lain.
- c) Menggalakkan percambahan idea di kalangan golongan muda melalui **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum**.
- d) Menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui **Mediator Komuniti**.
- e) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- f) Menggalakkan silang kerjaya dan budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui **penyertaan mahasiswa di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)**.
- g) Menyemai nilai-nilai murni kepada kanak-kanak melalui **Pendidikan Prasekolah** di seluruh negara.
- h) **Menyebarluaskan mesej dan slogan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian** melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia tercinta ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari masyarakat Malaysia. Oleh itu, rakyat sewajarnya berfikiran lebih rasional dan tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan laporan dalam media sosial kerana tidak semua kandungan yang disebarluaskan itu adalah benar dan kadang-kala sesuatu insiden yang telah lama berlaku turut dikitar semula (*recycle*) dengan hasrat untuk sengaja menarik perhatian dan mencetuskan keadaan panik dan kebimbangan dalam kalangan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MAKIN@MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)
NO. SOALAN : 53

Y.B DATUK DR. MAKIN@MARCUS MOJIGOH meminta Perdana Menteri menyatakan :

- a) Apakah jenis program (yang efektif) yang telah dirancangkan oleh pihak Kerajaan untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama; dan
- b) Apakah “cerita kejayaan” dalam hal ini, sekiranya ada dan apakah sebab-sebab yang ketara mengapa sesetengah pihak cuba untuk menggagalkan usaha murni Kerajaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Pelbagai jenis program-program perpaduan dan integrasi nasional yang efektif telah dirangka, dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan hasrat untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan

agama. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) **Program Orientasi Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Dari Semenanjung Yang Baru Bertugas di Sabah, Sarawak dan WP Labuan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak mengenai adat resam dan budaya hidup masyarakat setempat agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan berbeza dan dapat bergaul mesra dengan masyarakat setempat.
- ii) **Program 1 SRN 1 Komuniti** menjadi satu platform kepada golongan mahasiswa dari Insitut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS) bergabung tenaga menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan demi kebajikan komuniti terutamanya komuniti Rukun Tetangga bagi mengeratkan lagi perhubungan antara masyarakat setempat yang terdiri dari pelbagai etnik.
- iii) **Program pemupukan perpaduan berbentuk patriotisme, jati diri dan sahsiah diri dalam kalangan generasi muda** dipergiatkan melalui 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi yang bermatlamat untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa menjunjung Perlembagaan dan menjadikan Rukun Negara sebagai landasan hidup bagi menerap dan menyemarakkan nilai-nilai perpaduan seperti tanggungjawab pada negara, menghormati antara satu sama

lain dan sensitif terhadap amalan agama lain dan adat resam rakan kaum lain.

iv) Program Lawatan Integrasi

Program Lawatan Integrasi yang dilaksanakan semenjak 1984 telah melibatkan 9,120 orang Pemimpin Masyarakat dan Ketua – Ketua Kaum di Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Program ini diadakan sempena majlis-majlis utama di Malaysia yang bertujuan memberi peluang kepada peserta melihat dan mengalami sendiri sambutan tersebut di mana mereka berpeluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan. Satu kajian untuk menilai keberkesanan program lawatan ini telah dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 2007 di mana hasil kajian menunjukkan program ini telah berjaya mengurangkan persepsi negatif dan meningkatkan interaksi dan nasionalisme sehingga menjadikan peserta semakin terbuka dan toleran terhadap cara hidup etnik lain.

Di samping itu, JPNIN juga telah mengambil inisiatif membangunkan Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM) yang bertujuan untuk mengukur keberkesanan program dari sudut interaksi sosial dan perpaduan. Skala 2.2 diletakkan sebagai aras asas (*baseline*) di mana skor di bawah aras ini ditafsirkan sebagai perhubungan masyarakat berada di tahap yang baik. Pencapaian IPM untuk tahun 2016 bagi skor

individu adalah 1.44 (purata) manakala bagi masyarakat adalah 1.53 (purata). Penemuan ini membuktikan bahawa perhubungan masyarakat di Malaysia adalah kukuh dan berada di landasan yang betul.

- b) Sejak kebelakangan ini, beberapa inisiatif baru yang berimpak tinggi dan berupaya meningkatkan penyertaan rakyat berbilang kaum telah diperkenalkan melalui kerjasama JPNIN dengan pertubuhan / persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGOs) dan pihak swasta .

“Cerita kejayaan” yang JPNIN perolehi hasil jaringan sosial ini adalah impak perpaduan yang dilihat sebagai satu anjakan paradigma kepada program-program perpaduan yang selama ini dilihat pelaksanaannya oleh agensi-agensi Kerajaan sahaja. Pendekatan ini didapati amat membantu JPNIN dalam menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan di segenap lapisan masyarakat dan menjadi platform kepada pihak swasta dan NGOs untuk menyumbang kepada usaha peneguhan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Hubungan dan kerjasama strategik antara JPNIN dengan beberapa pihak swasta seperti *Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (ACCCIM), *National Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (NCCCIM), *Kuala Lumpur Selangor Chamber of Commerce and Industry* (KLSCCI) dan *Malaysian Retail Chain Association* (MRCA) telah berjaya menyuntik kesedaran dan semangat perpaduan di kalangan pihak-pihak swasta untuk mengambil inisiatif sendiri

menganjurkan beberapa program perpaduan seperti *My Hero Awards*, *Unity Run*, *Bicycle Ride in Putrajaya*, *Raising Flag* dan yang terkini Program Detik-detik Perpaduan (*Moments of Unity*) pada 21 Januari 2017 yang sememangnya menunjukkan penglibatan dan penyertaan dari semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Namun, usaha murni Kerajaan untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan antara kaum dalam kalangan masyarakat masih kurang difahami secara keseluruhannya kerana masih terdapat segelintir masyarakat yang dilihat seolah-olah cuba untuk menggagalkannya demi kepentingan sendiri. Justeru itu, jaringan sosial dan hubungan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGOs) merupakan pendekatan terbaik untuk menyampaikan mesej-mesej perpaduan agar semua pihak merasakan perpaduan adalah tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ZAIEDI HAJI SUHAILI

TARIKH : 20 APRIL 2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 41

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sedang dalam usaha membangunkan satu indeks yang akan digunakan sebagai kayu pengukur untuk mengukur tahap perpaduan di negara ini. Instrumen indeks ini akan menjadi satu indeks komposit dengan mengambil kira beberapa indeks yang telah dibangunkan di negara ini seperti Indeks Belia Malaysia, Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, Indeks Ikatan Sosial, Indeks Patriotisme Negara, Indeks Syariah Malaysia dan beberapa indeks lain. Oleh itu, JPNIN kini sedang dalam proses meneliti domain dan indikator serta mengenalpasti pemberat (*weightage*) dari indeks-indeks lain yang dapat menyumbang kepada Indeks Perpaduan Negara ini kelak. Ini

merupakan satu proses yang agak panjang kerana sememangnya memerlukan tenaga kerja tambahan, kemahiran dan kepakaran intelektual.

Walaupun instrumen indeks tersebut masih dalam proses pembangunan, tetapi dalam masa yang sama, terdapat petunjuk-petunjuk lain yang digunakan bagi memantau situasi perpaduan di negara ini seperti berikut:

- a) Malaysia juga adalah antara sebuah negara yang paling aman jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Ini dibuktikan melalui Laporan Indeks Keamanan Sedunia (*Global Peace Index*) yang dikeluarkan *Institute for Economy and Peace, Australia* yang telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-30 daripada 163 buah **negara paling aman di dunia** pada tahun 2016.
- b) **Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)** oleh JPNIN memperlihatkan bahawa fenomena ketegangan di kalangan kelompok masyarakat yang dimanifestasikan melalui demonstrasi, protes, pergaduhan, serangan dan perdebatan isu-isu polemik yang boleh menggugat perpaduan masih berada di **tahap stabil dan terkawal**. Nilai IKM tahun 2016 telah menurun kepada 9.2 kes per sejuta penduduk berbanding dengan 9.6 kes per sejuta penduduk pada tahun 2015 dan petunjuk ini merupakan satu sistem amaran awal untuk memastikan ketegangan kaum dapat dikesan dengan lebih awal.

- c) **Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM)** oleh JPNIN juga telah dibangunkan yang bertujuan untuk mengukur keberkesanan program dari sudut interaksi sosial dan perpaduan. IPM mula dilaksanakan pada tahun 2012 berdasarkan skor Individu dan skor masyarakat. Skala 2.2 diletakkan sebagai aras asas (*baseline*) di mana skor di bawah aras ini ditafsirkan sebagai perhubungan masyarakat berada di tahap yang baik. Pencapaian IPM untuk tahun 2016 bagi skor individu adalah 1.44 (purata) manakala bagi masyarakat adalah 1.53 (purata). Penemuan ini membuktikan bahawa perhubungan masyarakat di Malaysia adalah kukuh dan berada di landasan yang betul.
- d) Melalui **kajian 2016 Indeks Patriotisme Negara**, Biro Tatanegara (BTN) melaporkan bahawa tahap patriotisme rakyat Malaysia menghampiri **tahap yang sangat baik dan tinggi iaitu 4.47 dari skala 5.0** berbanding dengan pencapaian pada tahun **2015 iaitu 4.19 dari skala 5.0**.
- e) Menurut Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), UKM menjelaskan bahawa tahap hubungan kaum di Malaysia berada pada **tahap ketegangan yang stabil (stable tension)**. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya merupakan kes-kes terpencil (*isolated cases*) dan berjaya diselesaikan dengan segera dengan izin, “**we talk conflict but we walk cohesion**”.
- f) **Sambutan pelbagai perayaan di peringkat kebangsaan** seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Vaishakhi, Gawai, Kaamatan dan Krismas membuktikan perayaan sebegini menjadi

sambutan oleh semua rakyat bagi menandakan semaraknya nilai kemuafakatan, perpaduan dan keharmonian serta simbol integrasi.

Kesemua petunjuk dan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya **rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat hidup bersatu padu yang seterusnya menggambarkan situasi perpaduan negara yang baik.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NG CHIANG CHIN

TARIKH : 24 APRIL 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 16

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kedudukan terkini penggubalan Akta Harmoni Nasional yang telahpun dicadangkan sejak tahun 2012.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Semasa Kerajaan menyatakan hasrat untuk menggubal Akta Keharmonian Nasional (AKN) pada tahun 2012 bagi menggantikan Akta Hasutan 1948, tujuannya adalah untuk menjaga keharmonian dan keamanan negara. Akta ini bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan melalui **Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Mempromosi Keharmonian Nasional, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN)** yang dipengerusikan YBhg. Datuk Dr. Mujahid

Yusof Rawa atau *National Unity Consultative Council* (NUCC) telah pun mengambil inisiatif membincangkan cadangan penggubalan akta baru ini serta mengemukakan input-input untuk pertimbangan awal Kerajaan pada tahun 2015.

Selain pihak NUCC, Kerajaan turut mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam AKN tersebut memandangkan Akta ini akan mengambil pendekatan bercorak “*corrective measures*” dan “*educational*” dan tidak bersifat punitif. Ini kerana Akta Keharmonian Nasional (AKN) akan bertindak untuk melengkapi Akta Hasutan 1948 selaras dengan konsep *amar ma'ruf nahi mungkar* (mengajak melakukan kebaikan, mencegah keburukan) di mana AKN bertindak sebagai *amar ma'ruf* yang mempromosikan keharmonian kaum dan agama manakala Akta Hasutan 1948 memainkan peranan pencegahan.

Penggubalan Akta Keharmonian Nasional perlu memberi mesej yang jelas bahawa Kerajaan berada di landasan yang betul dan bersungguh-sungguh ingin membentuk perpaduan nasional. Justeru, perlu difahami bahawa proses mendapatkan input daripada pihak-pihak berkepentingan bukanlah suatu perkara mudah yang hanya boleh diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat. Cadangan penggubalan suatu Undang-undang atau Akta baharu memerlukan ketelitian, kajian, perbandingan dengan undang-undang yang sedia ada serta perbincangan yang mendalam dan terperinci. Akta ini juga perlu melihat dari pelbagai sudut untuk dikuatkuasakan kelak memandangkan ia akan melibatkan masyarakat yang berbeza dari segi budaya, agama, bangsa, adat resam, pemikiran dan sebagainya. Penelitian dan kajian yang

menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa di dalam menggubal cadangan Akta Keharmonian atau apa jua nama bersesuaian yang akan digunakan untuk Akta itu kelak, Kerajaan tidak akan sama sekali membelakangkan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang selama ini menjadi tulang belakang asas penyatuan rakyat berbilang agama dan kaum yang telah diusahakan serta dijadikan asas kukuh oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu dalam mencapai kemerdekaan dan pembentukan negara kita yang tercinta ini. Dalam hal ini, perpaduan tidak semestinya dipupuk melalui mekanisme hukuman tetapi juga melalui pemberian ganjaran atau insentif kepada individu yang mempromosikan usaha penyatuan masyarakat. Ia perlu dibincang dan diteliti secara mendalam dan perlu diperhalusi secara menyeluruh dari pelbagai sudut termasuk dari segi peranannya ke arah mendidik dan melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang hidup dalam suasana sejahtera dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHIA SONG CHENG

TARIKH : 24 APRIL 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 69

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah status atau pencapaian ketegangan hubungan etnik atau perkauman di Malaysia dan bagaimana Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan dapat memastikan 'moderation' diterapkan serta mengurangkan masalah atau menghukum individu menyebarluaskan ungkapan sentimen perkauman dan ucapan sensitif perkauman.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Hidup dalam lingkungan masyarakat majmuk memerlukan persefahaman dan tolak ansur yang tinggi. Itulah yang menjadi pegangan Malaysia sejak sekian lama. Perpaduan menjadi asas utama kepada usaha membangunkan negara. Tanpanya, negara akan kucarkacir dan natijahnya, usaha pembangunan akan terbantut walaupun tidak musnah sama sekali.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk mengukur tahap keharmonian kerana ia melibatkan banyak aspek seperti **perasaan, persepsi dan sensitiviti manusia** yang dibentuk dan dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, sosio-budaya, corak pemikiran, anutan agama sesuatu kaum itu serta kepercayaan dan adat resam mereka. Aspek-aspek ini berubah-ubah mengikut persekitaran dan peristiwa semasa, serta dipengaruhi oleh kenyataan pemimpin atau kelakuan golongan tertentu dari masa ke semasa.

Walau demikian cabarannya, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tetap berusaha memulakan proses mewujudkan petunjuk yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau “*Societal Stress Index (SSI)*”. IKM yang dibangunkan akan merekodkan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, bilangan pergaduhan dan serangan, bilangan demonstrasi dan protes secara berkumpulan serta bilangan isu-isu polemik yang dibahaskan dan dilaporkan dalam media massa.

Pada tahun 2014, IKM direkodkan pada tahap 14.1 kes bagi setiap sejuta penduduk, tahun 2015 direkodkan pada tahap 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk dan pada tahun 2016 pula adalah direkod pada tahap 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk. Dapatan jelas menunjukkan bahawa **TAHAP KETEGANGAN MASYARAKAT** di Malaysia masih **TERKAWAL dan STABIL.**

Suatu kajian secara empirikal yang dilakukan oleh YBhg. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), UKM menunjukkan bahawa tahap hubungan kaum di Malaysia berada pada **TAHAP KETEGANGAN YANG STABIL (STABLE**

TENSION). Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera dengan izin, “**we talk conflict but we walk cohesion**”.

Malaysia berazam untuk menjadi sebuah negara yang maju, berdaya saing dan teguh tetap kekal utuh. Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan telah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) bagi menggariskan pendekatan yang akan dilaksanakan untuk menangani cabaran dan mencapai matlamat negara sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Wawasan 2020, Gagasan 1Malaysia dan Transformasi Nasional (TN50).

Pelan tersebut yang mengandungi **program serta tindakan** yang sejajar dengan iltizam YAB Dato' Seri Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang mahukan pendekatan mengenai kefahaman kesederhanaan diketengahkan dalam memacu rakyat dan negara bagi menghadapi cabaran perpaduan pada masa depan.

Konsep dan nilai-nilai yang diterapkan di dalam **program dan aktiviti serta tindakan** yang diterjemahkan oleh agensi pelaksana secara rasional, objektif, bijaksana dan bertanggungjawab mampu meningkatkan kefahaman rakyat terhadap konsep kesederhanaan dan sekaligus pembinaan bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatupadu.

Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang inginkan perpaduan dan keharmonian terus terpelihara tanpa meminggirkan mana-aman kelompok masyarakat. Oleh itu, untuk merealisasikannya, usaha perlu digembleng secara perkongsian bestari untuk memacu pelaksanaannya

supaya *outcome* yang digariskan dalam pelan tersebut berjaya melahirkan generasi baru rakyat Malaysia yang memiliki kecemerlangan ilmu, kemahiran, kreatif, inovatif, berdaya saing serta dilengkapi kesopanan dan kesusilaan dan yang paling utama sentiasa meletakkan **PERPADUAN** sebagai tonggak di dalam kehidupan seharian mereka agar tiada ruang atau peluang untuk mana-mana individu untuk menyebarkan ungkapan dan ucapan sentitif perkauman .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAT YASIM

TARIKH : 27 APRIL 2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 61

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak kebelakangan ini, dapat dilihat perasaan cinta dan sayangkan/hormat kepada negara sudah berkurangan. Buktiya apabila lagu Negaraku berkumandang, ada yang terus berjalan dan tidak berhenti seketika tanda hormat kepada lagu Kebangsaan. Apakah Kerajaan khususnya Kementerian bercadang untuk menggubal satu akta atau undang-undang agar individu yang tidak berhenti ketika nyanyian negaraku berkumandang diambil tindakan atau dihukum.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Terasa begitu harmoninya dan bangga berdiri menghayati dan menyanyikan lagu kebangsaan Negaraku. Lagu Negaraku adalah satu elemen patriotik. Berkumandangnya Lagu Negaraku ini, kita boleh mengukur sejauhmana sikap dan tabiat masyarakat kita terhadap Lagu Negaraku. Sesungguhnya Lagu Negaraku adalah lagu kebangsaan dan

lagu yang sepatutnya menjadi milik setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

Namun, tidak dinafikan masih ada segelintir masyarakat yang mempamerkan sikap ‘kurang bertamadun’. Mereka terus berbual di meja makan, ada yang terus berjalan tanpa rasa perasaan malu. Kelihatan juga yang teragak-agak untuk bangun berdiri sambil melihat dahulu orang sekeliling. Jika ini dibiarkan terus berlaku ia akan merosakkan identiti negara ini di mata dunia.

Tidak perlu untuk menggubal mana-mana undang-undang baru bagi menangani “sikap kurang bertamadun” rakyat Malaysia terhadap Lagu Negaraku. Kerajaan sudah mempunyai penguatkuasaan undang-undang sedia ada yang melindungi simbol kebanggaan negara ini terhadap mana-mana pihak yang tidak menghormati Jalur Gemilang dan Lagu Negaraku iaitu **Akta Lagu Kebangsaan 1968 (Akta 390)**. Akta ini diwujudkan bagi menjaga **kredibiliti, prestij, kewibawaan dan maruah** Lagu Negaraku yang merupakan satu-satunya lagu kebangsaan negara.

Menurut Seksyen 8 (1) Akta Lagu Kebangsaan 1968, rakyat Malaysia hendaklah menunjukkan rasa hormat, sayang dan mencintai lagu kebangsaan dan dikehendaki berdiri apabila lagu Negaraku dinyanyikan pada bila-bila masa dan di mana juar.

Seksyen 8 (2) pula menegaskan sesiapa yang ingkar dan tidak menunjukkan rasa hormat kepada lagu Negaraku, seseorang itu boleh didenda tidak melebihi RM100.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) bulan sekiranya di dapati bersalah oleh mahkamah.

Lebih menarik lagi Seksyen 9 Akta berkenaan memberi kuasa penuh kepada pihak Polis untuk menangkap sesiapa sahaja yang didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta berkenaan tanpa sebarang waran.

Walaupun bentuk hukuman dan denda di bawah akta tersebut amat ringan, namun ini bukan lesen besar untuk seseorang itu bertindak menghina dan mempersendakan lagu kebangsaan negara kita. Mungkin akta tersebut perlu dipinda sewajarnya agar bentuk hukuman dan denda yang lebih berat dikenakan sebagai alternatif menghalang tindakan menghina Lagu Negaraku berleluasa dan dipandang mudah oleh sesetengah orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 25 JULAI 2017

NO. SOALAN : 28

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi laporan *Global Peace Index* 2016 oleh Institute for Economics and Peace menyebut bahawa Malaysia termasuk dalam kalangan 30 negara yang paling aman di dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Global Peace Index (GPI) diukur melalui 23 petunjuk kualitatif dan kuantitatif dari sumber yang sah merangkumi tiga domain yang luas seperti berikut:

- a) tahap keselamatan dan jaminan keselamatan dalam masyarakat bagi sesebuah negara;
- b) sejauh mana berlakunya konflik politik dalaman dan antarabangsa bagi sesebuah negara; dan
- c) tahap kekuatan ketenteraan bagi sesebuah negara.

Antara beberapa faktor yang mempengaruhi laporan GPI 2016 yang meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 negara terbaik adalah seperti berikut:

- i) Dari segi konflik dalam negara, Malaysia juga dianggap sebagai negara yang kurang mengalami konflik dalam yang agak serius dan mengancam di mata dunia yang turut menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat negara ini.
- ii) Komitmen penglibatan Malaysia dalam misi-misi keamanan dunia juga turut memberikan imej positif kepada negara ini dan meletakkannya sebagai salah sebuah negara yang mementingkan keamanan dunia secara keseluruhannya.
- iii) Sikap berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia selama ini di persada antarabangsa telah menyebabkan ketidakterlibatan Malaysia dalam sebarang konflik antarabangsa yang turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016.
- iv) Hubungan diplomatik yang baik antara Malaysia dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa juga turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016 kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara model yang stabil dari segi politik dan ekonominya walaupun rakyatnya berbilang kaum, agama dan budaya.

Kerajaan Malaysia sentiasa melakukan usaha untuk mewujudkan budaya keamanan dalam minda masyarakat Malaysia melalui

pengamalan tiga prinsip utama iaitu *bargaining*, *negotiation* dan *reconciliation* bagi mengelakkan sebarang pertikaian, konflik dalaman dan keganasan antara kaum bagi menjamin kehidupan rakyat secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**

TARIKH : **25 JULAI 2017 (SELASA)**

NO. SOALAN : **66**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menggalakkan kesederhanaan dan pluralisme di negara ini sejajar dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi mencegah Malaysia dari menjadi tapak yang subur bagi pembiakan ekstremisme dan keadaan-keadaan yang tidak disukai (*intolerance*).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Perpaduan telah menjadi kekuatan negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan. Namun, bagi Malaysia, masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana Malaysia berupaya mengurus kepelbagai selaras dengan dasar-dasar dan rancangan kerajaan yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Antara rancangan dan dasar tersebut ialah:

- a) Pembentukan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada November 2013 di mana ahli-ahlinya terdiri dari wakil-wakil pelbagai golongan masyarakat membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan perpaduan nasional terus kekal melalui penyediaan **Blueprint Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan** yang telah mengenalpasti 9 matlamat utama dan 16 cadangan sebagai asas bagi mengukuhkan perpaduan dan meningkatkan hubungan antara kaum melalui penekanan kepada sikap kesederhanaan, kesamarataan dan pluralisme.
- b) Kesungguhan Kerajaan merencana **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** dan menjemput semua rakyat Malaysia khasnya golongan muda rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk berkongsi suatu idaman membentuk sebuah negara yang maju dan makmur serta rakyatnya yang hidup aman damai dan bersatu padu demi mengelakkan sikap ekstremisme dan keadaan-keadaan yang tidak disukai (*intolerance*).
- c) Inisiatif Kerajaan dalam merangka **Pelan Strategik Wasatiyyah 2016 – 2020** yang merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif yang telah meletakkan **Pendekatan Wasatiyyah sebagai Dasar Negara** yang akan dipraktikkan dalam setiap faktor pentadbiran negara supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan dan menjauhi dari terlibat dengan sebarang kegiatan ekstremisme.

- d) Mengadakan program dan aktiviti bersama badan-badan bukan kerajaan serta kumpulan-kumpulan keagamaan untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan ***World Interfaith Harmony Week, International Day for Peace*** dan ***Hari Toleransi Sedunia (International Tolerance Day)***. Melalui sambutan ini yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah pluralisma dan kesederhanaan.
- e) **Program Demi Negara** yang menekankan kepada penghayatan Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **MyRukun Negara** dan **program Silang Budaya** diperkenalkan di 1,781 Tabika Perpaduan dan 6,068 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah, di peringkat menengah serta 150 Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS yang sememangnya bertujuan menanamkan sikap kesederhanaan dan menghalang dari terlibat dalam kegiatan ekstremisme.
- f) **Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan** secara berterusan kepada rakyat Malaysia dengan penglibatan diterajui oleh syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGOs) melalui produk dan perkhidmatan kepada masyarakat agar mesej-mesej ini terus dihayati bersama bagi menyemarakkan semangat perpaduan

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara tetapi sebaliknya yang paling penting adalah rakyat sendiri harus berfikiran positif bagi menerima pluralisma yang sedia wujud dengan minda yang terbuka dan menghalis sebarang fahaman ekstremisme yang wujud dalam diri mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)**

TARIKH : **27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

NO SOALAN : **72**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah insentif yang disalurkan kepada KRT yang mengamalkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan apakah kebijakan yang diberikan kepada ahli SRS memandangkan SRS ini dapat membantu pihak PDRM mencegah kes jenayah di samping dapat mengeratkan lagi silaturahim penduduk setempat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Skim Rondaan Sukarela (SRS) ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 dengan fungsi sebagai pasukan rondaan sukarela yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga (RT). SRS bertindak membantu pihak berkuasa dalam membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di kawasan komuniti setempat melalui konsep kawalan dan juga rondaan.

Tugas SRS dijelaskan dalam Akta berdasarkan **Peraturan 18(1) Akta Rukun Tetangga 2012** iaitu Anggota SRS hendaklah mempunyai tugas yang berikut :

- (a) Tugas meronda di dalam Kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga;
- (b) Tugas mengawal di Pusat Kawasan pada apa-apa waktu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah; dan
- (c) Tugas mengawal di mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam Kawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.

Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang melaksanakan pengoperasian SRS mendapat insentif tambahan yang diberikan Kerajaan iaitu pemberian bekalan peralatan asas rondaan SRS iaitu :-

- i) Vest
- ii) Baju Hujan
- iii) Topi
- iv) *Baton Light*
- v) Lampu Suluh
- vi) Cota
- vii) Wisel
- viii) Peti Ubat Kecemasan
- ix) Kon Keselamatan
- x) *Walkie Talkie*

Selain itu, Kerajaan juga memberikan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan aktiviti atau program keselamatan oleh SRS di Kawasan Rukun Tetangga berkenaan. Insentif dari sudut lain adalah bantuan-bantuan dari pelbagai agensi jaringan yang lain khususnya dalam memberi nasihat dan kepakaran dalam aspek keselamatan serta pemantauan keselamatan komuniti di kawasan tersebut.

Selain itu, ahli KRT yang mendaftar sebagai peronda SRS akan mendapat faedah perlindungan insurans berkelompok sebagai satu bentuk pengiktirafan dan kebajikan kepada mereka yang bertindak secara sukarela membantu pihak penguatkuasa tempatan melalui kerjasama dengan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam mencegah jenayah.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memberikan elaun kepada peronda SRS sebagai satu insentif tambahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZIAH (TAMBUN)**

TARIKH : **2 OGOS 2017**

NO. SOALAN : **29**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mewujudkan negara Malaysia berbilang kaum yang bersatu-padu dan bekerjasama antara satu sama lain serta tiada jurang perkauman 'racist'.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana pemimpin negara berupaya mengurus kepelbagaian sehingga memperolehi pengiktirafan dan penghormatan oleh dunia luar dan dirujuk sebagai salah satu model negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik dengan izin (**engage and educate**), JPNIN telah, sedang dan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

- a) Menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan** yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan mensasarkan program-program yang spesifik dan konkret untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) **Memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara** agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Mengadakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan **World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni** dan lain-lain.
- d) Menggalakkan percambahan idea di kalangan golongan muda melalui **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum**.
- e) Menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi di kalangan 1,028 orang **Mediator Komuniti di seluruh negara**.
- f) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- g) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).**
- h) Menyemai nilai-nilai murni kepada kanak-kanak prasekolah di **1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara agar kanak-kanak ini dapat menghayati dan memahami kepelbagaian masyarakat Malaysia sejak dari kecil lagi.
- i) **Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian** melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- j) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (Moments of Unity)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha mewujudkan negara Malaysia berbilang kaum yang bersatu-padu. Namun jika sikap perkauman yang menebal (*racist*) sehingga

menjejaskan keselamatan dan keharmonian masyarakat, maka tindakan undang-undang yang sedang berkuat kuasa akan diambil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA**
(PARIT BUNTAR)

TARIKH : **7 OGOS 2017**

NO. SOALAN : **87**

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kerajaan membendung fahaman sempit agama yang menimbulkan kebencian antara kaum dan berbagai agama di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya yang mana perpaduan merupakan agenda utama yang perlu terus diperkuuhkan. Tidak dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama dan budaya serta bahasa boleh mencetuskan prasangka, perselisihan dan persengketaan. Oleh kerana perbezaan anutan agama, maka isu-isu agama cenderung menjadi sensitif dan mencetuskan perasaan serta sentimen perkauman yang kuat.

Bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian serta membendung fahaman sempit agama dalam kalangan penganut-penganut pelbagai

agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :

- 1) **Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanupulasikan sehingga menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum. Justeru, JKMPKA diwujudkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, menyelesaikan sengketa dan menyebarluaskan mesej-mesej keharmonian. JKMPKA juga mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.
- 2) Satu **Pelan Strategik** telah digubal oleh JKMPKA yang menggariskan mengenai **pengurusan isu dan penganjuran program** yang merangkumi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama.
- 3) **Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama** melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai

forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan JPNIN. Pada tahun 2016, JKMPKA dengan kerjasama JPNIN dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan 18 program dengan melibatkan seramai 8,200 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.

- 4) JPNIN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan **program di peringkat Kebangsaan** seperti **Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (World Interfaith Harmony Week – WIHW)** dan **Hari Toleransi Sedunia (International Day for Tolerance)** di mana kedua-dua sambutan ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah toleransi, keharmonian dan keamanan sejagat.
- 5) Pengajuran program-program ini menunjukkan bahawa:
 - i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
 - ii) Ianya juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap

nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.

6. Pembangunan Pelan Strategik Wasatiyyah 2016 – 2020 juga merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif yang telah meletakkan **Pendekatan Wasatiyyah sebagai** dasar negara yang akan dipraktikkan dalam setiap faktor pentadbiran negara supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan dan membendung fahaman sempit agama serta menjauhi dari kegiatan ekstremisme.

Namun, usaha Kerajaan sahaja tidak mencukupi malah semua pemimpin politik dan masyarakat harus berusaha supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan agama dan etnik yang mana ianya boleh menimbulkan kebencian antara kaum dan penganut pelbagai agama di negara ini. Kesanggupan kerajaan yang bersedia mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjelaskan kesensitifan dan keamanan negara ini membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam membendung sebarang prejudis dan sikap *ethnocentrism* dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG (GELANG PATAH)

TARIKH : 9 OGOS 2017

NO. SOALAN : 49

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam memastikan keharmonian antara kaum dan masyarakat Malaysia tidak tergugat oleh kumpulan-kumpulan pelampau yang memainkan sentimen agama dan kaum dalam cubaan memecahbelahkan rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Masyarakat yang berbilang kaum merupakan aset terbesar di Malaysia. Arah tuju masa hadapan negara bergantung atas kejayaan mengurus kepelbagaian masyarakat. Malaysia sering dilihat sebagai negara contoh yang menggambarkan kemajmukan yang positif.

Kerajaan melalui JPNIN peka dengan serangan berbaur perkauman sehingga menimbulkan kebencian terhadap individu atau kumpulan tertentu berhubung isu agama dan kaum. JPNIN tidak mempunyai kuasa undang-undang ke atas individu atau kumpulan yang sengaja memporak-perandakan perpaduan sebaliknya akan bekerjasama

dengan agensi penguatkuasaan seperti **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** dan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** agar pihak yang tidak bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Menyedari cabaran-cabaran ini, JPNIN menggunakan **2 strategi** di dalam tindakannya iaitu **strategi pendidikan** dan **strategi pendampingan**. Tujuannya bagi **meningkat, mengukuh dan memelihara perpaduan kaum**. Antara langkah-langkah yang diambil seperti berikut:

- a) **Memperkasakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi seperti Rukun Tetangga** dengan latihan kepimpinan serta penyampaian maklumat dan penerangan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga agar terus melaksanakan kegiatan ke arah memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan komuniti setempat di peringkat akar umbi.
- b) **Meningkatkan kefahaman budaya melalui penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung seperti program lawatan integrasi nasional, program *homestay* integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung yang bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan.
- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta**

menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia melalui Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi.

- d) **Mengesan dan memantau isu-isu yang boleh menjelaskan perpaduan** melalui media cetak dan media sosial. Pengesahan awal dan pemantauan yang lebih berkesan merupakan amaran awal membolehkan jentera-jentera kerajaan sedia ada melakukan intervensi untuk meredakan ketegangan yang berlaku dan seterusnya mengembalikan keamanan negara.
- e) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran Mediasi Komuniti** di peringkat akar umbi supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku dalam komuniti mampu diselesaikan secara baik dan sekaligus menggalakkan interaksi dan jalinan hubungan yang baik di kalangan komuniti.
- f) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama Institusi-institusi pengajian tinggi** dan institusi pemikir (*think-tank institutions*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.
- g) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut-penganut agama** melalui pendekatan dialog dan wacana di bawah naungan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama

(JKMPKA) supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian bersama atau pendamaian antara penganut pelbagai agama.

- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.
- i) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).**
- j) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Seluruh rakyat Malaysia tidak mengira kaum dan anutan agama perlu berusaha menjadi satu bangsa bersatu padu yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai matlamat bersama untuk membina sebuah negara

bersatu, lebih maju, selamat, aman, makmur serta mampu bersaing dengan masyarakat lain di dunia ini .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI (BATU PAHAT)

TARIKH : 10 OGOS 2017

NO. SOALAN : 18

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan langkah-langkah dan tindakan menggerakkan serta menggalakkan politik nilai, politik ilmu, keadilan dan kebenaran, mengelak politik adu domba, politik caci maki, politik perkauman, pecah belah dan kebencian kaum, agama serta budaya bagi memelihara keharmonian masyarakat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Hasrat kita mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi maka adalah penting dengan mengamalkan konsep etika. Etika bertanggungjawab menentukan tindakan seseorang itu samada baik ataupun buruk. Etika dalam erti kata lain ialah mematuhi nilai moral berdasarkan satu susunan undang-undang yang bertujuan untuk mengatur dan memberi panduan tingkah laku kepada individu, kumpulan atau sasarannya dalam menjalankan tanggungjawab mereka

Dalam perkembangan sistem pemerintahan bermasyarakat, demokrasi dianggap sebagai satu sistem politik terbaik yang mengandungi idealisme sosio-politik yang sesuai untuk kehidupan manusia. Amalan murni demokrasi menentang sekeras-kerasnya penindasan kebebasan kepada kelompok-kelompok masyarakat yang lebih kecil atau minoriti di dalam sesebuah negara dan masyarakat.

Kerajaan mengetahui bahawa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta latar belakang dan budaya yang berbeza. Maka, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah dan tindakan untuk memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat seperti berikut:

- a) **Menggunakan media baru sebagai wacana penyampaian maklumat** dengan cara yang lebih moden dan terkini melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang mengutarakan maklumat yang tepat, berita yang benar serta fakta-fakta yang bernas untuk kepentingan seluruh individu masyarakat secara penuh beretika dan bertanggungjawab.
- b) **Meningkatkan kefahaman budaya melalui penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung agar tidak wujud prasangka antara satu sama lain.

- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia agar dapat membina satu negara bangsa yang utuh dan tidak mudah dimanipulasikan oleh kuasa luar.**
- d) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran pendamaian supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku di peringkat akar umbi mampu diselesaikan secara baik dan sekaligus menggalakkan interaksi dan penjalinan hubungan baik dalam kalangan komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik.**
- e) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi pemikir (*think-tank institutions*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.**
- f) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama melalui pendekatan dialog dan wacana supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut-penganut agama.**
- g) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti**

kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- h) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia tercinta ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari semua lapisan masyarakat Malaysia. Oleh itu, rakyat sewajarnya berfikiran lebih rasional dan tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan berita-berita yang tular melalui media sosial oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan sendiri. Tidak semua kandungan yang disebarluaskan itu adalah benar dan kadang-kala sesuatu insiden yang telah lama berlaku turut dikitar semula (*recycle*) dengan hasrat untuk sengaja mewujudkan perpecahan dan kebencian kaum. Sebaliknya, rakyat Malaysia perlu berpegang kepada empat asas utama iaitu amalan sikap bertoleransi, saling menghormati, menjaga sensitiviti dan saling mempercayai antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA (KETEREH)**

NO. SOALAN : 48

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang dirangka bagi memastikan tahap keharmonian dan kesepaduan sosial sesama kaum di negara ini terus dipupuk dan keharmonian antara masyarakat sentiasa dipelihara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa mengingatkan rakyat berbilang kaum supaya bersama-sama berusaha mengekalkan keamanan dan keharmonian sosial yang telah dinikmati sejak kemerdekaan bukan sahaja untuk diwariskan kepada generasi akan datang tetapi menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus disegani di persada dunia. Usaha mengekalkan keamanan serta keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum perlulah bermula dengan memupuk persefahaman yang lebih baik di antara satu sama lain.

Demi kelangsungan keharmonian dan kesepaduan sosial masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, JPNIN telah, sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah berikut:

- a) Menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan pelaksanaan program-program yang spesifik dan konkret untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) **Memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara** agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan **World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, International Day for Peace, Dialog Harmoni** dan lain-lain.
- d) Menggalakkan percambahan idea dan usaha membina visi negara untuk 30 tahun akan datang melalui Transformasi Nasional 50 (TN50) di kalangan golongan muda melalui **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum**.
- e) Menyelesaikan isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,028 orang **Mediator Komuniti di seluruh negara**.

- f) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.**
- g) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).**
- h) Menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan **kanak-kanak prasekolah di 1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara agar mereka sama-sama memahami dan menghayati nilai dan etika sejak dari kecil lagi.
- i) **Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).**
- j) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Ekoran dari ini, saya suka memetik kata-kata YAB Perdana Menteri pada **Majlis Jamuan Perdana Keamanan dan Keharmonian anjuran**

Christian For Peace And Harmony Malaysia (CPHM) di Kuala Lumpur pada 20 Februari 2017 iaitu “Kita telah banyak diuji sebelum ini, tetapi kesepaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum yang kuat, membantu kita melepassi setiap cabaran. Keamanan dan keharmonian tidak datang dengan sendirinya, tetapi daripada kerja keras untuk melahirkannya”

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)**

NO. SOALAN : **526**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan berapakah jumlah pendaftaran Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang direkodkan setakat Januari 2017 sebagai usaha serta sejauh manakah skim ini telah membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah di kawasan komuniti setempat sejak diperkenalkan pada tahun 2004.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah dilancarkan secara rasminya pada 21 Februari 2004 dan seterusnya Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 April 2004 telah memutuskan perluasan SRS ke seluruh negara dilaksanakan sebagai usaha membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti.

Sehingga Januari 2017, bilangan keseluruhan SRS adalah sebanyak 4,833 skim berdasarkan pecahan mengikut negeri seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH SRS	PURATA KEANGGOTAAN SRS / 20 ORANG
1.	PERLIS	70	1,400
2.	KEDAH	263	5,260
3.	PULAU PINANG	241	4,820
4.	PERAK	306	6,120
5.	SELANGOR	544	10,880
6.	W.P KUALA LUMPUR	177	3,540
7.	W.P PUTRAJAYA	22	440
8.	N. SEMBILAN	285	5,700
9.	MELAKA	175	3,500
10.	JOHOR	602	12,040
11.	PAHANG	440	8,800
12.	TERENGGANU	471	9,420
13.	KELANTAN	456	9,120
14.	SARAWAK	454	9,080
15.	SABAH	313	6,260
16.	W.P LABUAN	14	280
	JUMLAH	4833	96,660

Usaha membantu membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti yang digerakkan secara sukarela melalui SRS dilihat melalui beberapa pencapaian berikut:

- i) Peningkatan permohonan komuniti untuk melaksanakan SRS melalui pertambahan bilangan SRS sedia ada pada setiap tahun.

BIL	NEGERI	TAHUN					
		2004 - 2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	PERLIS	52	55	59	64	68	70
2	KEDAH	153	190	218	238	256	263
3	PULAU PINANG	131	184	210	228	244	241
4	PERAK	195	225	249	272	285	306
5	SELANGOR	338	380	434	479	523	544
6	W.P. KUALA LUMPUR	121	128	143	167	179	177
7	W.P. PUTRAJAYA	10	11	14	17	21	22
8	N. SEMBILAN	195	244	255	271	276	285
9	MELAKA	117	140	163	177	183	175
10	JOHOR	292	368	502	553	595	602
11	PAHANG	349	396	467	484	489	440
12	TERENGGANU	251	293	358	423	448	471
13	KELANTAN	368	396	422	436	448	456
14	SARAWAK	165	233	292	379	431	454
15	SABAH	162	193	214	261	294	313

16	W.P LABUAN	11	11	11	11	11	14
JUMLAH		2,910	3,447	4,011	4,460	4,751	4,833

- ii) Peningkatan bilangan kes-kes yang ditangani oleh anggota SRS daripada 5,723 pada tahun 2015 kepada 7,496 pada tahun 2016 seperti dalam jadual di bawah :


KATEGORI KES	JENIS KES	TAHUN 2015		TAHUN 2016	
		BIL. KES	JUM. KES	BIL. KES	JUM. KES
JENAYAH KEKERASAN	1. Pembunuhan	6	99	2	115
	2. Rogol	5		0	
	3. Cabul Kehormatan	11		0	
	4. Samun	54		87	
	5. Peras Ugut	14		25	
	6. Merusuh	0		0	
	7. Mencedera / Penderaan	9		1	
JENAYAH HARTA BENDA	1. Curi Kenderaan	124	665	237	926
	2. Curi Harta Benda	262		317	
	3. Pecah Rumah	279		372	
JENAYAH NARKOTIK	1. Pengedaran Dadah	120	197	82	192
	2. Memiliki Dadah	77		110	
GEJALA SOSIAL	1. Pentengkaran	98	4762	124	6263
	2. Lepak	2411		3175	
	3. Vandalisme	311		278	

KATEGORI KES	JENIS KES	TAHUN 2015		TAHUN 2016	
		BIL. KES	JUM. KES	BIL. KES	JUM. KES
	4. Khalwat / Maksiat	111		107	
	5. Pergaduhan	92		104	
	6. Pendatang Tanpa Izin	276		320	
	7. Lumba Haram	324		415	
	8. Penagihan Dadah	302		436	
	9. Masalah Rumah Tangga	62		133	
	10. Ponteng	111		247	
	11. Kutu Rayau	313		208	
	12. Buang Bayi	0		4	
	13. Lain-Lain Kes : (Sila Nyatakan)	351		712	
	JUMLAH		5723		7496

- iii) Peningkatan Skor pencapaian hasil Kajian Persepsi Rasa Selamat (*Feel Safe Survey*) pada setiap tahun daripada 90.56% pada tahun 2013 kepada 92.45% pada tahun 2016 seperti berikut:

Kajian Persepsi Rasa Selamat (*Feel Safe Survey*) Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

PERKARA	BIL.2/ 2013	BIL.1/ 2014	BIL.2/ 2014	BIL.1/ 2015	BIL.2/ 2015	BIL.1/ 2016	BIL.2/ 2016
Bil. Penyertaan SRS	3,308	3,671	3,997	4,202	4,289	4,329	4,499
Bilangan Responden	192,308	207,379	223,230	234,008	243,307	243,860	251,675
Skor Sokongan Komuniti (Y)	3.0	3.01	3.05	3.00	3.03	3.02	3.01
Jumlah Rasa Selamat	174,156	187,921	205,176	216,856	223,248	225,274	232,680
% Rasa Selamat	90.56 %	90.62%	91.91%	92.67%	91.76%	92.38%	92.45%



Oleh itu, melalui pencapaian ini dibuktikan bahawa SRS telah membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah di kawasan komuniti setempat sejak diperkenalkan pada tahun 2004.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @ ABBAS

TARIKH : 14 OGOS 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 32

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedang atau bercadang mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Khas bagi isu-isu yang berkaitan agama Islam dan bukan Islam bagi menangani isu-isu sensitif antara agama agar kekeliruan dalam masyarakat tidak berlaku setiap kali terdapat kes berkaitan, di samping menghormati prinsip dan hak setiap agama terhadap penganutnya. Jika ia sudah diwujudkan, nyatakan sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa menerima dan menghormati hak kebebasan beragama seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan rakyat di negara ini hidup dalam lingkungan masyarakat majmuk yang memerlukan persefahaman dan sikap tolak-ansur yang

tinggi. Justeru itu, salah satu usaha untuk menangani isu-isu sensitif antara penganut pelbagai agama adalah penubuhan JKMPKA.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 2010 bagi mempromosikan keharmonian dan kesefahaman antara rakyat Malaysia yang menganuti pelbagai agama. Usaha jawatankuasa ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu sensitif yang boleh mengganggu-gugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama, serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan. Peranan JKMPKA adalah seperti berikut:

- a) JKMPKA dari masa ke semasa **mengadakan forum dan dialog agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat** dalam mempertingkatkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama di negara ini.
- b) JKMPKA menganjurkan pelbagai program/aktiviti bagi memupuk persefahaman dan meningkatkan keharmonian antara penganut agama dengan **menggalakkan penglibatan belia pelbagai agama dalam aktiviti-aktiviti nilai bersama (common values)** dan kesukarelawan seperti Kem Belia Muhibah, *Inter-religious Youth Leadership Camp*, RTD Belia Sempena *Interfaith Forum*

dan Syarahan Perdana dan Diskusi Kepimpinan Belia bertemakan “Agenda Belia dan Kesepaduan Sosial”.

- c) **Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri** untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan JPNIN. Pada tahun 2016, JKMPKA dengan kerjasama JPNIN dan pelbagai NGO serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan 18 program dengan melibatkan seramai 8,200 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.

- d) JPNIN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan **program di peringkat Kebangsaan** seperti **Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia** dan **Hari Toleransi Sedunia** yang sambutannya diisyiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi membina persefahaman dan semangat hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat berbilang agama dalam usaha mempromosikan masyarakat yang bertoleransi dan menghormati perbezaan serta meraikan persamaan agar mewujudkan masyarakat yang bebas daripada konflik antara agama dan pelampau agama.

Penganjuran program-program ini menunjukkan bahawa:

- i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepadan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
- ii) Ia juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.
- iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap toleransi serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.

Keberkesanan JKMPKA dapat dinilai melalui pencapaiannya seperti berikut:

- a) **Platform bagi penganjuran sesi ilmiah mengenai tajuk / isu semasa yang tertentu bagi mendapatkan penerangan dan berkongsi maklumat dan pengalaman dari pihak yang bertauliah berkaitan agama** dan Perlembagaan Persekutuan bagi memberi pendedahan sepenuhnya kepada JKMPKA dan pihak lain yang berkaitan agar konflik yang berpunca dari sensitiviti

agama dapat dibendung melalui program seperti *inter-faith forum*, seminar dan dialog keharmonian di peringkat akar umbi; dan

- b) **Pengurusan isu-isu agama ditangani dengan baik oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama JKMPKA yang dianggotai oleh pemimpin agama yang berkepakaran melalui kaedah mediasi di mana ianya merupakan langkah intervensi** di mana pengadu diberi peluang untuk menyuarakan ketidakpuasan hati secara ikhlas dan terbuka demi mencari penyelesaian bersama. Kaedah ini berjaya menyelesaikan beberapa kes secara '*low profile*' tanpa campur tangan mahkamah dan pihak media kerana wujudnya *common understanding*.
- c) Dalam usaha **membangunkan Modul mediasi agama yang akan membolehkan pemimpin agama memperolehi kepakaran mengenai mediasi agama** yang sememangnya amat diperlukan dalam menangani situasi panik dan rasa ketidakpuasanhati yang berpunca dari konflik agama.
- d) Usaha **membangunkan Pelan Tindakan JKMPKA juga merupakan *way forward*** ke arah mempertingkatkan keberkesanan peranan JKMPKA dalam usaha menangani konflik agama.

Namun, usaha Kerajaan sahaja tidak mencukupi malah semua pemimpin politik dan masyarakat harus berusaha supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan agama dan etnik yang boleh menimbulkan kebencian antara kaum dan penganut pelbagai agama di negara ini. Kesanggupan

Kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjelaskan sensitiviti dan keamanan negara ini membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar serius dalam membendung sebarang prejedis dan sikap *ethnocentrism* dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**

TARIKH : **21 OGOS 2017 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **1**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum dan persefahaman antara pengikut pelbagai agama bukanlah satu usaha yang mudah. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik (dengan izin) (**engage and educate**), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

- a) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan bagi meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.
- b) **Mengadakan kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui penganjuran Konvensyen Sekretariat Rukun Negara (SRN)** pada 11 – 13 Ogos 2017 yang disertai lebih dari 300 peserta iaitu ahli-ahli SRN dari 40 IPTA dan IPTS. Ia bertujuan menyedia dan membuka peluang untuk perbincangan intelektual dan ilmiah di antara tokoh-tokoh berpengaruh Malaysia dan golongan mahasiswa mengenai isu-isu semasa perpaduan agar dapat mengikis fahaman pemikiran sempit dan mengurangkan persepsi negatif antara kaum agar kepelbagaiannya diterima dan diraikan bersama bagi menyemai dan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara secara berkesan melalui platform ini.
- c) **Memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara** agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- d) Menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi di kalangan 1,028 orang **Mediator Komuniti di seluruh negara.**

- e) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara melalui penggunaan Modul Silang Budaya** kepada 6,338 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 153 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- f) **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** diadakan bagi menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat milik bumiputera dan syarikat bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dari IPTA dan bukan bumiputera dari IPTS.**
- g) Menyemai nilai-nilai murni untuk memahami kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan agama agar saling hormat menghormati dalam kalangan kanak-kanak melalui **Pendidikan Prasekolah** di **1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara.
- h) **Mengadakan kerjasama dan menggalakkan NGO** untuk membuat promosi perpaduan melalui program-program seperti ***World Interfaith Harmony Week*, Hari Toleransi Sedunia, Hari Keamanan Sedunia, Raising National Flag, Kempen Say Something Nice, Fiesta Merdeka** dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan juga telah merancang beberapa tindakan sebagai *way forward* (dengan izin) untuk mencegah polarisasi kaum seperti berikut:

- a) Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah menyediakan ***Blueprint – Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan***. JPNIN dengan kerjasama KITA, UKM sedang melakukan kajian bagi menyediakan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN)** yang inklusif dengan mengambil kira hasil dalam *Blueprint* tersebut bagi merangka program-program spesifik dan konkret merentasi Kementerian dan Agensi lain untuk meningkatkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) Inisiatif Kerajaan dalam merencana **TN50** dengan menjemput semua rakyat Malaysia khasnya golongan muda pelbagai kaum untuk berkongsi aspirasi dan idaman menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan pembentukan sebuah negara yang maju dan makmur serta rakyatnya yang hidup aman damai demi mengelakkan sikap prejudis dan *ethnocentrism* serta keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan sikap *intolerance*.
- c) Inisiatif Kerajaan dalam merangka **Pelan Strategik Wasatiyyah 2016 – 2020** merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif yang telah meletakkan **Pendekatan Wasatiyyah sebagai Dasar Negara** yang akan diperaktikkan dalam setiap faktor pentadbiran negara supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan antara masyarakat berbilang kaum dan agama serta menjauhi dari sebarang kegiatan ekstremisme.

Kerajaan telah bersungguh-sungguh melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari masyarakat Malaysia. Oleh itu, rakyat sendiri sewajarnya berfikiran lebih rasional dalam menerima persamaan dan perbezaan memandangkan negara ini sememangnya terdiri dari masyarakat yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama dan kepelbagaian ini harus dihargai dan diraikan bersama bukannya dijadikan alasan untuk mewujudkan ketegangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHIA SONG CHENG**

NO SOALAN : **52**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah KRT, beberapa KRT yang aktif, beberapa KRT yang menjalankan Skim Rondaan Sukarela di negeri Johor, dan juga di setiap daerah di negeri Johor setakat ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi Negeri Johor adalah 785 KRT. Daripada jumlah tersebut, terdapat 423 KRT yang menjalankan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan jumlah keseluruhan SRS didalamnya adalah 609 SRS.

Peratus keaktifan KRT bagi tahun semasa sehingga Julai 2017 Negeri Johor adalah sebanyak 59% dengan jumlah 465 KRT daripada 785 KRT yang dilaporkan aktif berdasarkan sistem e-Rukun Tetangga di Negeri Johor. Jadual 1 berikut adalah data KRT dan SRS mengikut Daerah di Negeri Johor.

Jadual 1 : Data KRT dan SRS mengikut daerah di Negeri Johor

DAERAH	BIL. KRT	BIL. SRS	BIL KRT YANG ADA SRS	BIL. KRT AKTIF
KOTA TINGGI	49	86	33	32
LEDANG	34	34	19	34
BATU PAHAT	69	34	23	27
SEGAMAT	63	17	17	48
JOHOR BAHRU	232	122	117	80
PONTIAN	41	29	19	17
KLUANG	71	51	40	51
KULAIJAYA	79	50	42	58
MERSING	36	58	34	24
MUAR	111	125	79	94
JUMLAH	785	609	423	465

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 47

SOALAN : minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi. Sekiranya ada, bilakah akta-akta tersebut akan dibentang di Parlimen.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini Kerajaan tidak pernah membincangkan untuk menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi yang bertujuan antara lain untuk memelihara keselamatan dan perpaduan kaum di negara ini.

Kerajaan berpendapat usaha menyatupadukan kaum di negara ini lebih sesuai dilaksanakan berterusan melalui pendidikan dan bukannya

melalui pelaksanaan undang-undang. Kerajaan tidak akan menggunakan undang-undang sewenang-wenangnya untuk menyatupadukan kaum, sebaliknya masyarakat perlu dididik bukan sahaja pada peringkat dewasa malah pada peringkat kecil lagi.

Sesungguhnya usaha untuk memupuk perpaduan tidak ada secara paksaan. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merasakan rang undang-undang Anti Rasis dan Anti Diskriminasi itu tidak perlu kerana perpaduan di negara ini masih berada pada peringkat yang baik dan terkawal. Jika perlu sekali pun, akta-akta sedia ada boleh dibuat penambahbaikan bagi tujuan tersebut membendung anti rasis dan anti diskriminasi.

Di samping itu, pelbagai langkah akan terus diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu antaranya:

Pertama, sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

Kedua, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

Ketiga, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkret seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja, serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita, program sukan yang menarik penyertaan dan sokongan semua dan sebagainya.

Keempat, mewujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul. Di samping itu, adalah perlu juga untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul.

Kelima, berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik,

mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejas kesensitifan dan keamanan, jika lau didapati perlu. Di sebaliknya, mereka hendaklah sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan prinsip kesederhanaan dan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

NO. SOALAN : 12

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membangunkan Malaysia Timur dan menunaikan hak kebajikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak supaya dapat meredakan ketegangan hubungan, mencapai jaminan keharmonian, keamanan dan keselamatan negara serta mengelakkan kemasukan campur tangan asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengambil langkah mengutamakan Sabah, Sarawak dan WP Labuan dalam pembangunan arus perdana melalui usaha memperkemas, mempererat serta memperkuatkan Integrasi Nasional antara penduduk Semenanjung dengan Malaysia Timur. Langkah ini terus diberi keutamaan sebagai pendekatan untuk menjayakan beberapa inisiatif

penyatuan nasional melalui Program Integrasi Komuniti yang merupakan platform terbaik untuk mempercepatkan proses integrasi antara wilayah bagi memupuk dan menerapkan semangat persefahaman, muhibah dan persaudaraan antara masyarakat Malaysia. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Kursus Orientasi bagi pegawai kerajaan, Lawatan Integrasi, *Homestay Integrasi* dan program Silang Budaya yang melibatkan para pemimpin masyarakat, golongan belia dan pelajar dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Selain itu, JPNIN juga telah mengambil pendekatan baru untuk mensejahterakan masyarakat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan melalui inisiatif integrasi nasional merentasi sosio-ekonomi dan budaya. Inisiatif ini menjurus kepada pembangunan ekonomi penduduk setempat melalui Rukun Tetangga yang dikenali sebagai Program Ekonomi Rukun Tetangga. Program ini adalah amat selari dengan halatuju Rancangan Malaysia ke 11 untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Melalui pelbagai kaedah pengisian aktiviti seperti motivasi, bimbingan keusahawanan, latihan kemahiran teknikal/vokasional, silang budaya dan jaringan ekonomi, program ini berupaya menjadi platform integrasi sosial kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Program Ekonomi Rukun Tetangga juga merupakan contoh terbaik dalam usaha mempercepatkan proses integrasi sosial kerana keberhasilannya mempunyai serampang dua mata iaitu pembangunan ekonomi dalam komuniti dan meningkatkan pemahaman budaya, adat resam, agama dan sensitiviti rakan kaum lain. Penjanaan ekonomi keluarga disertai dengan hubungan kejiranan yang erat serta sensitif dengan keperluan rakan kaum lain akan melahirkan satu masyarakat

bertoleransi dan bertimbangrasa agar dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan harmoni. Ini secara langsung akan memperkuatkan lagi peranan dan jati diri masyarakat di peringkat akar umbi terhadap penyatuan nasional demi mewujudkan negara yang sejahtera, harmoni dan selamat dari ancaman dan gangguan anasir-anasir jahat yang cuba menimbulkan ketegangan dan konflik di dalam negara ini.

Dalam masa yang sama, sebagai menunaikan hak kebaikan kepada masyarakat Malaysia Timur, Kerajaan juga tidak meminggirkan penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak. Pembangunan lebuhraya Pan Borneo dan jambatan-jambatan bagi memudahkan perjalanan darat serta pembinaan dan penambahbaikan lapangan terbang yang menjadi penghubung antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Semua usaha pembangunan ini memberi kesan yang positif dan impak besar kepada penjanaan ekonomi penduduk tempatan kerana kemudahan pengangkutan amat penting dalam memasarkan produk-produk ekonomi komuniti setempat.

Di samping itu, banyak program yang sedang dan akan terus dilaksanakan secara bersepadu dan terancang dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan lain untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional secara langsung dan tidak langsung serta menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional. Antaranya adalah penempatan pelajar-pelajar dari dua wilayah dalam institusi-institusi pengajian tinggi, program pendidikan guru, latihan kemahiran, Program Latihan Khidmat Negara, program pembangunan belia dan sukan, program seni budaya serta sambutan Majlis Rumah Terbuka

Malaysia yang telah dijadikan program nasional sempena sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Gawai Dayak, Tadau Kaamatan dan sambutan Hari Krismas. Mobiliti pekerjaan antara dua wilayah juga telah dan akan terus diperkembangkan. Di samping itu, pewujudan dan penambahan penerbangan-penerbangan kos rendah (*low-cost carriers*) telah juga memudahkan perjalanan dan membantu penduduk Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan berinteraksi dan saling mengunjungi antara satu sama lain bagi merapatkan lagi hubungan integrasi dan mengelakkan ketegangan hubungan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]**

TARIKH : **2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

NO. SOALAN : **3**

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada tahun berapakah wawasan untuk mewujudkan kesatuan, keharmonian dan kerjasama tulen bagi masyarakat Malaysia yang berbagai kaum akan tercapai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan namun bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana pemimpin negara berupaya mengurus kepelbagaian sehingga memperolehi pengiktirafan dan

penghormatan oleh dunia luar dan dirujuk sebagai salah satu model negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

Ekoran dari tragedi hitam 13 Mei 1969, Malaysia telah mengamalkan pendekatan yang bersesuaian mengikut peredaran masa. Dasar-dasar yang diperkenalkan menjurus kepada penekanan kepada perpaduan sebagai batu asasnya yang bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), seterusnya Rancangan Malaysia setiap 5 tahun, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020 dan terkini Transformasi 2050 kesemuanya menjadikan perpaduan sebagai matlamat akhirnya.

Program-program yang dilaksanakan adalah selaras dengan dasar-dasar ini dari masa ke semasa dan sesuai dengan kehendak pembangunan dan peredaran masa bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat yang seterusnya membawa kepada keamanan dan keharmonian negara.

Namun, perpaduan adalah *work in progress*, seperti yang ditafsirkan oleh Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) pada tahun 2011 kerana “perpaduan” merupakan satu matlamat akhir yang manusia idam-idamkan untuk capai terutamanya dalam kalangan negara-negara yang terdiri dari masyarakat yang majmuk seperti Malaysia agar dapat mewujudkan satu negara yang berpaksikan kepada satu bangsa, satu agama, satu bahasa dan satu budaya ataupun dengan izin, *unity is uniformity*. Namun, ia sukar dicapai kerana ia hanyalah suatu gambaran mengenai satu masyarakat majmuk yang sempurna yang tidak boleh menjadi kenyataan sepenuhnya kerana

wujudnya kepelbagaian dalam masyarakat tersebut. Ini menyebabkan sukar untuk mana-mana negara dunia termasuk Malaysia untuk menetapkan satu masa yang khusus untuk mencapai perpaduan yang lengkap dan tulen.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada agensi kerajaan, badan swasta dan badan bukan kerajaan mahupun semua lapisan masyarakat Malaysia untuk terus berusaha keras memastikan kesepaduan sosial yang sedia ada dikekalkan dan dipertahankan. Ini kerana mengurus hubungan etnik merupakan satu usaha berterusan dan sentiasa memerlukan pemantauan dan mekanisme yang disesuaikan dengan perubahan persekitaran. Kejayaan hanya boleh dicapai jika setiap rakyat Malaysia masing-masing jujur dan ikhlas dalam memastikan perpaduan tidak dikompromi dengan desakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

NO. SOALAN : 3

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme pelaksanaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam menyatupadukan masyarakat dan sejauh manakah kejayaan program skim rondaan sukarela mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

KRT adalah organisasi sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri dan merupakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi. KRT dibentuk melalui penetapan sesuatu kawasan yang dipohon oleh pemastautin atau penduduk bagi tujuan memupuk, meningkat dan

mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti.

Umumnya, semua pihak mengetahui akan objektif dan peranan KRT sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Rukun Tetangga 2012 khususnya dalam memupuk kesefahaman dan perpaduan di peringkat akar umbi. Keberkesanan KRT bertindak sebagai penggerak utama di peringkat komuniti dipacu melalui kecekapan jentera dan cawangan-cawangan komuniti yang bernaung di bawah KRT seperti berikut:

a) Skuad Uniti

Skuad Uniti berfungsi sebagai pasukan sukarelawan yang membantu agensi-agensi kerajaan menguruskan situasi kecemasan dan bencana melalui khidmat bantu mula dalam aspek sosial dan perkhidmatan kepada komuniti. Selain itu, Skuad Uniti juga membantu menyelaras dan mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan perkhidmatan oleh Kerajaan kepada komuniti. Contohnya, Skuad Uniti Seberang Perai Utara telah bertindak menyelaras, mendapatkan sumbangan dan membuat pengagihan keperluan asas kepada mangsa banjir di Pulau Pinang dalam kejadian baru-baru ini.

b) Skuad Elite Jiran Wanita (SEJIWA)

SEJIWA merupakan gabungan Jiran Wanita dari beberapa KRT dalam satu daerah yang berperanan untuk memperkasakan peranan golongan wanita dalam pelbagai aspek untuk memelihara kebijakan wanita dan keluarga serta komuniti. SEJIWA bertindak selaku tenaga penggerak, agen perubahan dan agen penyatuan ke

arah membangunkan potensi dan mendayaupayakan komuniti khususnya golongan wanita sendiri. Contoh aktiviti kebajikan oleh SEJIWA adalah menyelaras bantuan kerajaan dan sumbangan korporat kepada ibu tunggal, pesakit wanita kronik, anak yatim piatu dan mangsa keganasan rumah tangga dalam komuniti.

c) Mediator Komuniti (MK)

Mediator Komuniti (MK) adalah pihak ketiga yang berusaha menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat. MK merupakan pasukan yang telah diberikan kemahiran dan ditauliahkan dalam membantu menguruskan dan mengendalikan konflik-konflik komuniti. Sehingga kini, terdapat 595 kes melibatkan komuniti yang telah ditangani oleh MK di seluruh negara.

d) Cawangan – cawangan di bawah setiap Kawasan Rukun Tetangga berdasarkan golongan sasar di peringkat komuniti adalah seperti:

1. **Cawangan Jiran Wanita (JW)** yang dianggotai oleh golongan wanita dan bertindak melaksanakan aktiviti dan inisiatif pembangunan, kebajikan, pendidikan dan penjanaan ekonomi khusus untuk golongan wanita dan keluarga. Contoh aktiviti dilaksanakan Cawangan Jiran Wanita adalah pelaksanaan bengkel ekonomi rumahtangga dan kemahiran seperti pembuatan keraftangan, masakan dan pemprosesan makanan.

2. Tumpuan kepada golongan belia pula diketengahkan di bawah **Cawangan Jiran Muda (JM)** yang bertujuan mewujudkan peluang dan menarik minat golongan muda dalam aktiviti kesukarelawan. Aktiviti dilaksanakan adalah menumpukan kepada inovasi dan kreativiti yang menggalakkan minat golongan muda serta sebagai platform atau landasan latihan kepimpinan kepada generasi muda.
3. **Cawangan Jiran Usia Emas (JUE)** diwujudkan sebagai salah satu gerakan dan penglibatan golongan warga emas dalam membantu KRT menyalurkan maklumat, mengukuhkan jaringan dengan pelbagai pihak, perkongsian pengalaman serta kepakaran daripada golongan berkenaan kepada komuniti untuk pembangunan komuniti setempat.

e) Skim Rondaan Sukarela (SRS)

SRS merupakan insiatif pencegahan kegiatan jenayah dan gejala sosial yang dipohon oleh komuniti di dalam KRT bertujuan melaksanakan rondaan dan kawalan keselamatan secara sukarela bagi membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti.

Keberkesanan dan kecekapan SRS dalam usaha membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti dapat dilihat melalui beberapa pencapaian berikut:

- a) Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dan kecekapan SRS dilihat melalui peningkatan permohonan komuniti untuk melaksanakan SRS. Berdasarkan rekod berlaku peningkatan dan pertambahan bilangan SRS sedia ada pada setiap tahun yang menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap keupayaan dan keberkesanan SRS membuat kawalan dan rondaan sukarela serta pencegahan jenayah di peringkat komuniti. Sehingga September 2017, sebanyak 5,004 SRS telah ditubuhkan di seluruh negara.
- b) Keberkesanan dan kecekapan SRS membantu pihak berkuasa dalam mencegah jenayah dapat dinilai melalui peningkatan bilangan kes-kes yang ditangani oleh anggota SRS dari masa ke semasa. Pada tahun 2015, kes yang ditangani sebanyak 5,723 kes meningkat pada tahun 2016 kepada 7,496 kes. Ini menunjukkan keaktifan SRS membantu pihak berkuasa semakin meningkat dan diperlukan di peringkat komuniti.
- c) Selain itu, melalui hasil Kajian Persepsi Rasa Selamat (*Feel Safe Survey*) yang merupakan mekanisme mengukur keberkesanan perkhidmatan SRS kepada komuniti, didapati bahawa terdapat peningkatan skor pencapaian hasil survei ini pada setiap tahun di mana ia meningkat daripada 90.56% pada tahun 2013 kepada 92.45% pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa komuniti merasa selamat dengan adanya perkhidmatan kawalan dan rondaan serta aktiviti pencegahan yang dilaksanakan oleh SRS.

Oleh itu, melalui pencapaian di atas dapat dibuktikan bahawa SRS telah membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah sekaligus

mengurangkan kadar jenayah di kawasan komuniti setempat sejak diperkenalkan pada tahun 2004. Kesimpulannya, KRT menggunakan jentera dan mekanismenya secara giat untuk memfokuskan kepada isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat agar jalan penyelesaian yang sewajarnya boleh dicari bagi menanganinya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
(BATU PAHAT)**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 41

SOALAN : minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan memberhentikan amalan "Politics of Fear" seperti membangkit isu-isu kaum, agama dan raja (Isu 3R- Race, Religion & Royalty) dan penahanan musuh-musuh politik secara tidak mengikut prosedur dan tuntutan masyarakat bertamadun.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Hasrat kita mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi maka adalah penting dengan mengamalkan konsep etika. Etika bertanggungjawab menentukan tindakan seseorang itu samada baik ataupun buruk. Etika dalam erti kata lain ialah mematuhi nilai moral

berdasarkan satu susunan undang-undang yang bertujuan untuk mengatur dan memberi panduan tingkahlaku kepada individu, kumpulan atau sasarannya dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam perkembangan sistem pemerintahan bermasyarakat, demokrasi dianggap sebagai satu sistem politik terbaik yang mengandungi idealisme sosio-politik yang sesuai untuk kehidupan manusia. Amalan murni demokrasi menentang sekeras-kerasnya penindasan kebebasan kepada kelompok-kelompok masyarakat yang lebih kecil atau minoriti di dalam sesebuah negara dan masyarakat.

Kerajaan mengetahui bahawa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta latar belakang dan budaya yang berbeza. Maka, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah dan tindakan untuk memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat seperti berikut:

- a) **Menggunakan media baru sebagai wacana penyampaian maklumat** dengan cara yang lebih moden dan terkini melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang mengutarakan maklumat yang tepat, berita yang benar serta fakta-fakta yang bernas untuk kepentingan seluruh individu masyarakat secara penuh beretika dan bertanggungjawab.
- b) **Meningkatkan kefahaman budaya melalui penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional** untuk

merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung agar tidak wujud prasangka antara satu sama lain.

- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia agar dapat membina satu negara bangsa yang utuh dan tidak mudah dimanipulasikan oleh kuasa luar.**
- d) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran pendamaian supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku di peringkat akar umbi mampu diselesaikan secara baik dan sekaligus menggalakkan interaksi dan penjalinan hubungan baik dalam kalangan komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik.**
- e) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi pemikir (*think-tank institutions*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.**
- f) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama melalui pendekatan dialog dan wacana supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut-penganut agama.**

- g) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.
- h) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia tercinta ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari semua lapisan masyarakat Malaysia. Oleh itu, rakyat sewajarnya berfikiran lebih rasional dan tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan berita-berita yang tular melalui media sosial oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan sendiri. Tidak semua kandungan yang disebarluaskan itu adalah benar dan kadang-kala sesuatu insiden yang telah lama berlaku turut dikitar semula (*recycle*) dengan hasrat untuk sengaja mewujudkan perpecahan dan kebencian kaum. Sebaliknya, rakyat Malaysia perlu berpegang kepada empat asas utama iaitu amalan sikap

bertoleransi, saling menghormati, menjaga sensitiviti dan saling mempercayai antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 11

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam memastikan hubungan antara kaum berada dalam tahap yang sihat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Mewujudkan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** pada tahun 2010 yang bertujuan mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia mengikut kepercayaan agama masing-masing.
- b) Melaksanakan program dan aktiviti bersama pelbagai kumpulan penganut agama berdasarkan **Pelan Strategik yang telah digubal oleh JKMPKA** bagi meningkatkan lagi keberkesanan program dan aktiviti yang dilaksanakan.
- c) Menyebarkan mesej keharmonian antara agama dan memupuk semangat muhibah melalui program **World Interfaith Harmony Week** pada bulan Februari setiap tahun.
- d) Menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat melalui pendekatan **mediasi komuniti**.
- e) Memupuk semangat toleransi, kesederhanaan dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang etnik dan agama melalui penganjuran **Hari Toleransi Sedunia**. Contohnya, amalan toleransi boleh dilihat semasa kejadian banjir baru-baru ini seperti kes bilal surau di Pulau Pinang dan perkongsian tempat parkir kereta oleh masjid dan geraja di Miri, Sarawak

Perpaduan dan keharmonian negara hanya akan terbentuk dan kekal sekiranya lahir semangat patriotisme dan cinta kepada negara di dalam jiwa setiap warganegara khasnya dalam kalangan belia. Menyedari hakikat ini, JPNIN aktif mengadakan program-program seperti berikut:

- a) Mendidik **asas silang budaya** bagi memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan para pelajar. Pendidikan ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain.
- b) Meningkatkan penghayatan Rukun Negara melalui **Program MyRukun Negara** kepada pelajar-pelajar di Tabika Perpaduan, sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi melalui **6,068 Kelab Rukun Negara dan 150 Sekretariat Rukun Negara**.
- c) Memperluaskan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada pelajar universiti untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera dan sebaliknya. Bermula dari 2015 hingga September 2017, seramai **3,144 orang pelajar** telah menyertai program.
- d) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- e) Menubuhkan **96 pasukan Skuad Uniti** di peringkat akar umbi di seluruh negara sejak 2015 hingga September 2017 yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

- f) Menggunakan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi memperkuatkan kerjasama **perkongsian strategik** antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui **program RAPAT iaitu Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera Malaysia** di 90 buah kawasan di seluruh negara sejak tahun 2015 hingga September 2017 untuk memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan kawasan kejiranan.

Kerajaan melalui JPNIN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang mengkaji cara-cara melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH; DAN

YB SENATOR DATUK IR. YONG WUI CHUNG

TARIKH : 4 DISEMBER 2017 (ISNIN) & 7 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 42 & 33

SOALAN : minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan serius dalam usaha-usaha memelihara kesepaduan dan keharmonian antara kaum sedangkan Kerajaan telah menolak ketiga-tiga RUU yang dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara, telah membubarkan Majlis tersebut serta telah gagal mengumumkan butiran-butiran lanjut cadangan RUU baru walaupun sudah lima tahun sejak pengumuman asal.

SOALAN : minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal suatu akta baru bagi menekang sifat kebencian di antara

kaum dan agama, yang semakin menular khasnya melalui media baru.

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua,

Saya memohon supaya soalan No. 42 oleh YB Senator Tuan Chandra Mohan S. Thambirajah dijawab sekali dengan soalan No.33 pada 7 Disember 2017 oleh YB Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung kerana mempunyai maksud hampir sama. Mohon Ahli Yang Berhormat Senator berkenaan mengambil maklum dan perhatian ke atas perkara ini.

Perpaduan yang kuat dan kukuh antara rakyat mampu menjana kejayaan dan kecemerlangan bagi kesejahteraan serta kemakmuran negara. Oleh yang demikian, perpaduan dan keharmonian adalah elemen yang sangat penting dalam mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tanpa perpaduan, nescaya kemerdekaan dan kedaulatan negara yang telah diperoleh sejak sekian lama akan hilang dalam sekelip mata.

Kerajaan sememangnya sangat serius di dalam memelihara kesepaduan dan keharmonian antara kaum. Pelbagai dasar dan program yang dilaksanakan Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan perpaduan dan keharmonian dinikmati rakyat sentiasa terpelihara. Justeru, penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2013 adalah salah satu usaha serius Kerajaan untuk memelihara kesepaduan dan keharmonian antara kaum. MKPN

berjaya membincangkan secara sederhana dan tertutup pelbagai isu perpaduan dan isu-isu sensitif termasuk cadangan menggubal Akta Keharmonian Nasional.

Cadangan penggubalan draf Rang Undang-Undang (RUU) Keharmonian Nasional dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Kecil Perundangan dan Polisi (JKPP) di bawah MKPN dan ia telah mencadangkan tiga (3) draf Rang Undang-Undang iaitu '*Racial and Religious Hate Crime Bill*, *National Harmony and Reconciliation Bill* dan *National Harmony and Reconciliation Commission Bill*' bertujuan memelihara dan memperkuuhkan perpaduan serta menangani diskriminasi, sifat kebencian kaum dan telah dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan tanpa mendapat kelulusan MKPN sebagai jawatankuasa induknya.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga draf RUU tersebut telah dikembalikan semula apabila tidak dikemukakan melalui keputusan MKPN sebaliknya cadangan ahli JKPP. Kerajaan telah meminta supaya RUU tersebut diperhalusi dan diteliti dengan lebih mendalam agar selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan memenuhi hasrat asalnya iaitu mewujudkan Akta yang lebih bersifat "mendidik dan mengharmonikan" dan bukannya bercorak "punitif dan menekankan kepada hukuman" seperti akta-akta sebelum ini.

Cadangan draf RUU berkaitan Keharmonian Nasional demi kelangsungan keharmonian dan kesepadan sosial masyarakat pelbagai kaum di Malaysia masih diteruskan dengan sekretariat MKPN yang baharu. Maka, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasai

Nasional (JPNIN) telah dan sedang melakukan sesi konsultasi menyeluruh (*extensive engagement*) dengan mengumpul input-input daripada agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGOs) dan masyarakat sivil serta meneliti syor-syor yang dikemukakan pihak berkepentingan termasuk daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator supaya suatu akta khas yang spesifik bertujuan mengekang sifat kebencian di antara kaum dan agama menjadi suatu realiti.

Satu tempoh masa yang memadai perlu dan telah diambil berdasarkan kewajaran proses menggubal suatu akta baharu memerlukan penelitian dari semua aspek undang-undang sedia ada serta selaras dengan Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan apa-apa cadangan akta baru tiada pertindihan fungsi dan kuasa serta masih mendukung semangat Perlembagaan.

Tambahan pula, dakwaan bahawa MKPN telah dibubarkan adalah tidak benar. Yang dibubarkan hanyalah keahlian MKPN sedia ada selama 2 tahun yang telah tamat tempohnya manakala kerangka struktur MKPN masih wujud. Pelantikan ahli-ahli MKPN untuk tempoh 2 tahun akan datang serta penyediaan terma-terma rujukan baru (*term of reference*) dengan mengambil kira situasi dan perkembangan isu semasa sedang dalam pertimbangan Kerajaan lagi dan sekiranya dipersetujui akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. LUCAS UMBUL

TARIKH : 4 DISEMBER 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 50

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha untuk mengelakkan sentimen kenegerian yang semakin menebal kerana semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dan agama semakin kurang. Demikian juga integrasi nasional di mana peranan itu banyak dilakukan oleh pihak swasta seperti Air Asia, CIMB Foundation dan lain-lain.

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua,

Program Integrasi Nasional yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan salah satu usaha bagi memperkuatkan semangat integrasi nasional antara masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini bertujuan menggalakkan interaksi dalam masyarakat dari

wilayah, negeri dan daerah/bahagian berbeza supaya mereka dapat mengenali antara satu sama lain demi meningkatkan penerimaan kepelbagaian antara mereka. Antara usaha-usaha kerajaan menerusi program-program integrasi nasional adalah seperti berikut:

- **Program Integrasi Komuniti;**
- **Program Orientasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam**
- **Program Integrasi Pemimpin Masyarakat**

Kumpulan sasar program ini melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat, komuniti Rukun Tetangga, Jiran Muda, Jiran Wanita, Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil Media merentasi semua kaum, latar belakang dan pelbagai peringkat umur agar tidak meminggirkan mana-mana rakyat di negara ini. Pengisian program memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti sosial seperti bersama keluarga angkat menghadiri perayaan atau upacara khas, khidmat kemasyarakatan seperti kegiatan gotong royong, aktiviti pendidikan iaitu ceramah mengenai Sistem Pentadbiran Kerajaan, aktiviti ekonomi menerusi lawatan ke projek-projek ekonomi tempatan, aktiviti sukan rakyat dan aktiviti kesenian dan silang budaya.

Program yang berkonsepkan tinggal bersama keluarga angkat dalam tempoh selama 3 hingga 6 hari memberi lebih masa, ruang dan peluang kepada peserta untuk tinggal bersama dan saling kenal mengenali dengan penduduk tempatan. Tinjauan dari kalangan peserta program

mendapati pendekatan tinggal bersama keluarga angkat adalah suatu realiti berlainan yang memberi pengalaman sebenar kepada peserta.

Hasil Kajian Keberkesanan Program Integrasi pada tahun 2011 mendapati bahawa program ini boleh memupuk semangat toleransi, mengikis sikap prejedis dan mengurangkan tanggapan negatif terhadap kaum lain dalam kalangan pesertanya yang memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi antara negeri/wilayah, membina hubungan silaturrahim, meningkatkan persefahaman dan semangat perpaduan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan sekaligus mengurangkan sentimen kenegerian.

Selain itu, kerjasama dan jaringan strategik JPNIN dengan beberapa kementerian/agensi lain yang turut mengadakan program-program menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional dalam kalangan penduduk yang tinggal di wilayah berbeza terus dilaksana dan dipertingkatkan seperti penempatan pelajar-pelajar dari dua wilayah dalam institusi-institusi pengajian tinggi, program pendidikan guru, latihan kemahiran, Program Latihan Khidmat Negara, program pembangunan belia dan sukan, program seni budaya dan sebagainya. Dalam masa yang sama mobiliti pekerjaan antara dua wilayah juga terus berlangsung.

Di samping itu, JPNIN juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik melalui pendekatan '*smart partnership*' yang holistik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan

dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat. Sememangnya, penyertaan pihak swasta dalam usaha ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka (*corporate social responsibility* (CSR) yang amat digalakkan.

Selain itu, pewujudan dan pertambahan penerbangan-penerbangan kos rendah (*low-cost carriers*) seperti AirAsia dan Malindo Air memudahkan perjalanan antara rakyat Sabah, Sarawak, WP Labuan dengan Semenanjung. Ini jelas menunjukkan peningkatan jumlah interaksi dan integrasi di antara penduduk wilayah-wilayah ini yang turut menyumbang ke arah meningkatkan kefahaman mendalam terhadap perbezaan dan kepelbagaian yang wujud bagi membina hubungan baik antara mereka.

Sememangnya, proses mewujudkan integrasi nasional memerlukan komitmen dan perjuangan yang berterusan oleh semua pihak. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, maka rancangan-rancangan sosial, ekonomi dan politik negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan berupaya merapatkan jurang perbezaan, taraf hidup serta hubungan antara rakyat Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan WP Labuan bagi mengelakkan sentimen kenegerian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. LUCAS UMBUL
(UPKO – DUN Sabah)

TARIKH : 11 DISEMBER 2017 (RABU)

NO. SOALAN : 41

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan gejala penyebaran berita palsu dan fitnah sama ada dalam bentuk bertulis atau grafik melalui media sosial terutamanya "WhatsApp" kian berleluasa. Sejauh manakah JPNIN memainkan peranan untuk mengukuhkan perpaduan di saat keharmonian nasional kian terhakis. Apakah perancangan JPNIN selari dengan TN50?

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Penyebaran berita palsu dan fitnah menerusi media sosial menjadi cabaran besar dalam mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini. Kandungan yang disebarluaskan menerusi aplikasi seperti ‘WhatsApp’ selalunya ditokok tambah sehingga boleh membawa kepada salah

faham dan kekeliruan dalam masyarakat. Malah telah dimanipulasi oleh setengah-setengah pihak yang berkepentingan sendiri dengan menularkan sesuatu isu sehingga membangkitkan babit-babit ketegangan dalam masyarakat. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik dengan izin (***engage and educate***), JPNIN telah, sedang dan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. Antaranya adalah melalui mekanisme berikut:

- a) Penghasilan ***Blueprint - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan (PPKPM)***;
- b) Membangunkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara**;
- c) **Memperkasakan kepimpinan di peringkat akar umbi** melalui Jawatankuasa Rukun Tetangga dan jentera-jenteranya;
- d) Penubuhan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** sebagai platform untuk mencari titik persamaan, menerima dan meraikan kepelbagaian antara penganut pelbagai agama;
- e) Menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui **Mediator Komuniti**;
- f) **Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni* dan *Program Detik-Detik Perpaduan***;

Kerajaan sedar pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Justeru, program-program JPNIN juga dirancang secara dinamik mengikut peredaran masa agar memenuhi keperluan semasa dan juga sejajar dengan aspirasi TN50. Antaranya ialah:

- a) **Mendidik kanak-kanak** menghargai kepelbagaian sejak di peringkat pra-sekolah lagi melalui Tabika Perpaduan;
- b) **Penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** oleh golongan muda melalui penyertaan dalam **Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN)**;
- c) Penggunaan **Modul Silang Budaya** sebagai garis panduan pelaksanaan program dan aktiviti SRN dan KRN;
- d) Penyertaan golongan belia dalam **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** menggalakkan **silang kerjaya dan kefahaman budaya**;
- e) Penggembelengan keupayaan golongan belia melalui **Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga (PTPRT)**; dan
- f) **Penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO)** dalam penyebaran mesej dan slogan perpaduan;

Secara keseluruhannya, perancangan JPNIN juga adalah selari dengan aspirasi TN50 apabila pendidikan perpaduan melalui Tabika Perpaduan

dan 30% jentera yang menggerakkan Rukun Tetangga terdiri dari golongan muda di samping penglibatan golongan remaja melalui KRN dan SRN di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Ini sekaligus menggambarkan keterlibatan golongan berkenaan dalam membantu memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan serta kesejahteraan masyarakat menuju ke arah merealisasikan aspirasi TN50.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATUK HJ. BASHIR BIN HJ.
ALIAS**
(BN -UMNO)

TARIKH : **11 DISEMBER 2017 (RABU)**

NO. SOALAN : **71**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah dan tindakan menggerakkan serta menggalakkan politik nilai, politik ilmu, keadilan dan kebenaran, mengelak politik adu domba, politik caci maki, politik perkauman, pecah belah dan kebencian kaum, agama serta budaya bagi memelihara keharmonian masyarakat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jika kita ingin mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi maka adalah penting untuk mengamalkan konsep etika yang sebenarnya menentukan tindakan seseorang itu samada baik ataupun buruk. Etika dalam erti kata lain ialah mematuhi nilai moral

berdasarkan satu susunan undang-undang yang bertujuan untuk mengatur dan memberi panduan tingkahlaku kepada individu, kumpulan atau sasarannya dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam perkembangan sistem pemerintahan bermasyarakat, demokrasi dianggap sebagai satu sistem politik terbaik yang mengandungi idealisme sosio-politik yang sesuai untuk kehidupan manusia. Amalan murni demokrasi menentang sekeras-kerasnya penindasan kebebasan kepada kelompok-kelompok masyarakat yang lebih kecil atau minoriti di dalam sesebuah negara seperti masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta latar belakang dan budaya yang berbeza. Maka, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah dan tindakan untuk menggerakkan serta menggalakkan perpaduan masyarakat bagi memelihara keharmonian seperti berikut:

- a) **Menggunakan media baru sebagai wacana penyampaian maklumat** dengan cara yang lebih moden dan terkini melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang mengutarakan maklumat yang tepat, berita yang benar serta fakta-fakta yang bernas untuk kepentingan secara bersama.
- b) **Meningkatkan kefahaman budaya melalui penganjuran program-program jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan antara penduduk Sabah, Sarawak, Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung agar tidak wujud prasangka buruk.
- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan** bagi mendidik rakyat memahami dan menghayati pengertian

perpaduan serta prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia agar dapat membina negara bangsa yang utuh dan tidak mudah dimanipulasikan oleh kuasa luar.

- d) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran pendamaian** supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku di peringkat akar umbi mampu diselesaikan secara baik bagi menggalakkan interaksi dan jalinan hubungan baik dalam kalangan komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik.
- e) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi** dan institusi pemikir (*think-tank institutions*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.
- f) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama** melalui pendekatan dialog dan wacana supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut-penganut agama.
- g) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan** melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum.
- h) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan

untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari semua lapisan masyarakat Malaysia terutamanya berkaitan senario politik semasa. Oleh itu, rakyat sewajarnya berfikiran lebih rasional dan tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan berita-berita yang ditularkan melalui media sosial oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan sendiri dan sengaja ingin mewujudkan perpecahan dan kebencian kaum. Sebaliknya, rakyat Malaysia perlu berpegang kepada empat asas utama iaitu pengamalan sikap bertoleransi, saling menghormati, menjaga sensitiviti dan saling mempercayai antara satu sama lain bagi menegakkan kestabilan dan memelihara perpaduan negara agar terus berkekalan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA,
MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MAT YASIN**

TARIKH : **12 DISEMBER 2017 (KHAMIS)**

NO. SOALAN : **53**

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan langkah Kerajaan bagi memupuk toleransi beragama di negara ini khususnya bagi mengharmonikan hubungan antara umat Islam dan bukan Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan persefahaman dan memupuk toleransi agama di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut :

- a) **Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** pada tahun 2010 dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama.

- b) JKMPKA juga telah menggubal satu **Pelan Strategik** yang menggariskan mengenai **pengurusan isu dan penganjuran program** seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama.
- c) Melalui JKMPKA juga, **badan-badan bukan kerajaan (NGO)** dan **pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif** sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan, dialog harmoni antara penganut agama dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan atas galakan dan bantuan JPNIN.
- d) **Penganjuran program di peringkat Kebangsaan** seperti **Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week – WIHW*)** yang telah diisyiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan.
- e) Penganjuran **Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Day for Tolerance*)** selaras dengan inisiatif UNESCO juga memberi fokus terhadap memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejagat. Pada tahun ini, JPNIN bersama dengan *International Islamic University Malaysia (IIUM)*, Sekretariat Rukun Negara dan

JKMPKA telah menganjurkan Hari Toleransi Sedunia 2017 dengan tema *Together: Respect, Safety and Dignity for All.*

Justeru, usaha mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama merupakan satu aspek yang amat ditekankan oleh kerajaan Malaysia. Malah, baru-baru ini penekanan terhadap aspek ini dan teguran keras kepada individu tertentu yang bersifat keterlaluan oleh Raja-raja Melayu juga menunjukkan mereka memandang serius terhadap isu-isu perpaduan dan hubungan harmoni dalam kalangan rakyat berbilang agama dan kaum di negara ini. Maka, adalah amat penting masyarakat Malaysia mengamalkan sikap toleran, sederhana dan inklusif dalam negara yang berbilang kaum dan agama agar semua lapisan masyarakat Malaysia dapat hidup tanpa sebarang prejedis dan sikap *ethnocentrism*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILFRED YONG CHEN LEONG

TARIKH : 18 DISEMBER 2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 1

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Rukun Tetangga (KRT) di Sabah yang berdaftar dengan Kerajaan dan berapakah daripada mereka yang terlibat di dalam Projek Ekonomi Rukun Tetangga.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah pertubuhan sukarela di peringkat komuniti yang beroperasi di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751). Penubuhan KRT adalah melalui permohonan daripada komuniti yang didaftarkan di bawah Seksyen 5 Akta Rukun Tetangga 2012 di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

Menyedari akan kepentingan peranan KRT dalam pembangunan komuniti di peringkat akar umbi, permintaan terhadap penubuhan KRT adalah meningkat dari setahun ke setahun sehingga mencecah 7,930 KRT pada November 2017 di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 1,021 KRT adalah di Negeri Sabah yang mana merupakan negeri ke dua yang mempunyai bilangan KRT terbanyak selepas Negeri Selangor.

Selaras dengan Seksyen 8 (a) Akta Rukun Tetangga 2012, salah satu peranan KRT adalah mengukuhkan ekonomi komuniti. Peranan ini turut menjadi fokus utama KRT khususnya di Negeri Sabah di mana terdapat sejumlah 26 KRT yang mempunyai projek ekonomi yang sememangnya membantu komuniti dalam aspek pengembangan ekonomi di kawasan masing-masing. Selain itu, terdapat 4 Koperasi KRT di Sabah yang ditubuhkan sama ada oleh satu KRT ataupun melalui gabungan beberapa KRT untuk mendayaupayakan lagi potensi pelaksanaan projek ekonomi oleh KRT di Sabah.

Antara projek ekonomi yang diketengahkan adalah kelas jahitan dan seni sulaman, penternakan haiwan seperti ikan air tawar, itik, ayam, timun laut dan kambing, penanaman sayur dan buah-buahan seperti cendawan shiitake, lada, cili, mangga dan pisang, pembuatan barang kraftangan dari pelbagai suku kaum, penyediaan produk makanan ringan seperti kerepek pisang dan produk berdasarkan makanan laut, pembekalan perkhidmatan sewaan pusat seperti gelanggang futsal, eko-pelancongan dan taman rekreasi serta penghasilan baja organik HPO.

Melalui projek ekonomi yang diusahakan oleh KRT, ianya akan membantu peningkatan ekonomi komuniti setempat dan secara tidak

langsung usaha memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan dapat digerakkan secara bersama dengan lebih mudah. Situasi ini sekaligus menyumbang kepada peningkatan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK IR. YONG WUI CHUNG

NO. SOALAN : 14

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme terbaik yang sedang dan telah dirangka oleh Kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum, menghormati agama antara satu sama lain dan tidak mencetuskan provokasi yang mampu meruntuhkan institusi perpaduan di dalam negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan dalam memupuk semangat perpaduan dan menyemai sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain agar tidak tercetusnya provokasi yang boleh mengganggu-gugat institusi perpaduan di negara ini. Menyedari hakikat

ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Mewujudkan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** pada tahun 2010 yang bertujuan mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia mengikut kepercayaan agama masing-masing.
- b) Menggubal satu **Pelan Strategik** yang menggariskan mengenai **pengurusan isu dan penganjuran program** secara berkesan seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama dengan melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama.
- c) Menyebarluaskan mesej keharmonian antara agama dan memupuk semangat muhibah melalui program **World Interfaith Harmony Week** pada bulan Februari setiap tahun.
- d) Menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat melalui pendekatan **mediasi komuniti**.
- e) Memupuk semangat toleransi, kesederhanaan dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang etnik dan agama melalui penganjuran **Hari Toleransi Sedunia**.

Perpaduan dan keharmonian negara hanya akan terbentuk dan kekal sekiranya lahir semangat patriotisme dan cinta kepada negara di dalam jiwa setiap warganegara khasnya dalam kalangan belia. Menyedari hakikat ini, JPNIN aktif mengadakan program-program seperti berikut:

- a) Mendidik **asas silang budaya** bagi memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan para pelajar. Pendidikan ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain.
- b) Meningkatkan penghayatan Rukun Negara melalui **Program MyRukun Negara** kepada pelajar-pelajar di Tabika Perpaduan, sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi melalui **6,068 Kelab Rukun Negara dan 150 Sekretariat Rukun Negara**.
- c) Memperluaskan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada pelajar universiti untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera dan sebaliknya dan setakat ini seramai **3,144 orang pelajar** telah menyertai program ini.
- d) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati serta bekerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- e) Menubuhkan **96 pasukan Skuad Uniti** di peringkat akar umbi di seluruh negara yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

- f) Menggunakan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi memperkuatkan kerjasama **perkongsian strategik** antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui **program RAPAT iaitu Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera Malaysia** di 90 buah kawasan di seluruh negara untuk memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan kawasan kejiranan.

Kerajaan melalui JPNIN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang mengkaji cara-cara melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut agar institutsi perpaduan negara terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]

TARIKH : 6 MAC 2018 (SELASA)

NO. SOALAN : 13

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan segera dan jangka masa panjang Kerajaan dalam memperkuuhkan perpaduan dan integrasi antara wilayah di Malaysia bagi menangani masalah sentimen kenegerian yang negatif.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 61 tahun, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia. Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi melalui

perancangan segera dan jangka masa panjang telah dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan agar dapat menangani masalah sentimen kenegerian yang negatif.

Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sentiasa diutamakan dan dijadikan asas kenegaraan dan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan ‘musyawarah’ secara jujur dengan hati yang terbuka. Asas kenegaraan ini telah diterjemahkan dalam bentuk program/aktiviti penerapan, penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kalangan generasi muda melalui penyertaan dalam Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institut pengajian tinggi.

Berdasarkan konsep keterangkuman (*inclusivity*) dalam Gagasan 1Malaysia dan Model Baru Ekonomi, penggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang sosio-ekonomi secara berkesan dan bermakna amat dititikberatkan agar tiada pihak yang terpinggir. Di samping itu, kedudukan geografi yang jauh antara wilayah, aspek sosio-budaya serta amalan cara hidup yang berbeza antara suku kaum sentiasa diberi keutamaan dan diambilkira dalam merangka, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti untuk penyatuan masyarakat. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai inisiatif ke arah memastikan kepelbagaian ini diraikan dan dihormati secara berterusan.

Dalam hal ini, antara usaha-usaha yang dilaksanakan sehingga sekarang bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang etnik, agama, budaya dan bahasa adalah dengan menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- a) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
- b) Program Silang Budaya
- c) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
- d) Program MyRukun Negara
- e) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)
- f) Program Penggalakkan Perpaduan dalam kawasan Rukun Tetangga

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan terutamanya rakyat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- a) Program Integrasi Komuniti
- b) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- c) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat

Perancangan dan pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional antara wilayah ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan sekaligus mengikis sentimen kenegerian.

Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluas mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Pertambahan penerbangan kos rendah (*low-cost carriers*) oleh sektor swasta dan badan-badan korporat seperti Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS), Air Asia dan Malindo turut memainkan peranan melalui promosi kadar tambang murah yang memudahkan perjalanan dan menghubungkan rakyat antara wilayah bagi merapatkan lagi hubungan integrasi dan saling mengunjungi antara satu sama lain.

Sememangnya, proses mewujudkan integrasi nasional memerlukan komitmen dan perjuangan yang berterusan oleh semua pihak. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, maka agenda perpaduan dan integrasi nasional negara dapat terus diperkuuhkan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

NO. SOALAN : 10

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan elaun dan tugasannya untuk Datuk Heng Seai Kie sebagai Penasihat Hal Ehwal Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Tugasannya dan elaun yang dibayar kepada Datuk Heng Seai Kie sebagai Penasihat Hal Ehwal Perpaduan adalah seperti butiran berikut:

- i. Jawatan : Dilantik Secara Kontrak
- ii. Gaji / Elaun :-
 - a. Bayaran Perkhidmatan : RM10,847.65 sebulan
 - b. Elaun Keraian : RM4,000.00 sebulan

- iii. Tugas-Tugas : Bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk menasihatkan Jabatan mengenai semua perkara berikut:-
- a. Melaksanakan misi dan visi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) seperti yang ditetapkan;
 - b. Melaksanakan program-program untuk memelihara, meningkat dan memperkuuhkan perpaduan serta keharmonian masyarakat dan integrasi nasional;
 - c. Meningkatkan dan mengukuhkan kefahaman dan amalan Rukun Negara di kalangan rakyat Malaysia serta persefahaman dan keharmonian antara penganut-penganut agama;
 - d. Menjalin hubungan dan kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan tanggungjawab di perenggan (b) dan (c) di atas;
 - e. Menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa; dan
 - f. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau adalah bertanggungjawab terus kepada YAB Perdana Menteri dan YB Menteri yang diberi portfolio perpaduan negara dan integrasi nasional.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

NO. SOALAN : 46

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha ke arah mengelakkan sentimen kenegerian yang semakin menebal memandangkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama semakin kurang. Demikian juga dengan integrasi nasional di mana peranan itu banyak dilakukan pihak swasta seperti Air Asia dan lain-lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) selaku agensi yang berperanan meningkat, memelihara dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional mengambil pelbagai usaha ke arah memastikan terjalannya hubungan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang etnik, agama, budaya dan bahasa.

Ia merupakan usaha berterusan pelbagai pihak yang dilaksanakan secara langsung dan tidak langsung membantu menyemai semangat menuju ke arah membina bangsa Malaysia dengan mengenepikan perbezaan yang wujud serta mengikis sentimen kenegerian.

Pelbagai program yang bertujuan memupuk kerjasama, semangat muhibah dan kesetiaan kepada negara, meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap adat-adat resam dan cara-cara hidup yang berbeza serta menyemarakkan nilai-nilai persamaan dan persaudaraan terus dianjurkan seperti berikut:-

- i) Program Integrasi Komuniti sempena perayaan-perayaan utama
- ii) Program Pengukuhan Integrasi bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang baru berkhidmat
- iii) Program Integrasi antara pemimpin masyarakat
- iv) Titian Integrasi Ilmu dan Silang Budaya

Program-program ini melibatkan golongan sasar yang merentasi semua kaum dan etnik yang terdiri daripada para pemimpin masyarakat (Ahli Rukun Tetangga), Jiran Muda/ belia dan pelajar-pelajar universiti, badan bukan kerajaan (NGO), pengamal media serta komuniti dari kedua-dua wilayah. Program sebegini bertujuan menggalakkan interaksi dan komunikasi bagi meningkatkan hubungan kaum dan menggalakkan pertukaran idea dan buah fikiran bagi mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh dalam kalangan rakyat yang pelbagai latar belakang.

Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluas mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat.

Selain daripada itu, pelbagai program yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh pihak kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan pihak swasta juga menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional secara langsung dan tidak langsung, misalnya, penempatan pelajar-pelajar dari dua wilayah dalam institusi-institusi pengajian tinggi, pendidikan guru, latihan kemahiran, Program Latihan Khidmat Negara, program belia dan sukan, program seni budaya, dan sebagainya. Mobiliti pekerjaan antara dua wilayah yang terus berlangsung juga mampu menggalakkan interaksi dan integrasi yang positif.

Di samping itu, pertambahan penerbangan-penerbangan kos rendah (*low-cost carriers*) oleh sektor swasta dan badan-badan korporat seperti Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS), Air Asia dan Malindo turut memainkan peranan melalui promosi kadar tambang murah yang memudahkan perjalanan dan menghubungkan rakyat antara wilayah bagi merapatkan lagi hubungan integrasi dan saling mengunjungi antara satu sama lain. Sememangnya kerajaan menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah membina dan meningkatkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka (*corporate social responsibility* (CSR)).

Proses memperkuatkan semangat perpaduan dan integrasi masyarakat yang terpisah secara fizikal dalam konteks pembinaan negara Malaysia yang penuh dengan cabaran merupakan satu perjuangan yang berterusan. Ia memerlukan kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, adalah dipercayai bahawa rancangan-rancangan sosial, ekonomi dan politik yang adil terus dilaksanakan dengan lancar supaya perbezaan-perbezaan yang wujud dapat dikurangkan, taraf hidup dipertingkatkan, hubungan antara rakyat diperkasakan seterusnya semangat perpaduan dan integrasi nasional dapat diperkuatkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

NO. SOALAN : 28

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan bilakah negara Malaysia akan menandatangani Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Ras atau ICERD dan apa sebabnya sehingga kini negara Malaysia tidak mahu meratifikasikan ICERD.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) merupakan instrumen yang dirangka mengenai penghapusan diskriminasi kaum.

Kerajaan tidak meletakkan sebarang tempoh masa bilakah Malaysia akan bersedia menandatangani Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Ras atau ICERD. Kerajaan

harus berwaspada dan meneliti sebarang konvensyen mengenai Hak Asasi Manusia di arena antarabangsa sebelum menandatanganinya. Meratifikasi sebarang konvensyen atau protokol antarabangsa bermakna Kerajaan mesti akur kepadanya dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.

Kita sama sekali tidak menafikan hak asasi manusia sebagaimana yang telah ditunjukkan melalui usaha-usaha progresif Malaysia dalam mewujudkan pelbagai platform. Namun, dalam masa yang sama juga, kita harus meneruskan usaha untuk mempertahankan dan mengekalkan kedaulatan negara.

Demi menjaga kerukunan negara, setiap perjanjian antarabangsa yang dipertimbangkan untuk ditandatangani hendaklah melalui proses konsultatif dengan pihak-pihak kepentingan supaya akhirnya apabila Malaysia menyertai ICERD, komitmen Malaysia adalah bersifat **realistik, praktikal dan boleh dipatuhi**.

Kerajaan bukan sewenang-wenangnya tidak mahu menyertai ICERD sebaliknya Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal ICERD, telah diberi mandat untuk:

- a) mengadakan konsultasi dan pendampingan menyeluruh bersama semua pihak meliputi agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil untuk memberi penjelasan apa-apa langkah khas diambil kerajaan ke atas sesuatu kaum bukanlah bersifat diskriminasi sebaliknya bertujuan untuk meningkat dan memajukan status sosio-ekonomi kaum tersebut dari segi

perniagaan, pendidikan, pekerjaan dalam sektor awam dan pemilikan harta dan lain-lain agar seimbang dengan apa yang dinikmati oleh kaum-kaum lain;

- b) mengkaji kesediaan untuk meminda undang-undang domestik agar konsisten dengan aspirasi di bawah Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan instrumen ICERD untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan hak dan kebebasan asasi manusia;
- c) meneliti secara terperinci sama ada terdapat fasal dan syarat dalam instrumen ICERD yang mungkin bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau dasar-dasar negara dan nilai-nilai murni yang dipegang oleh masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.
- d) memastikan Perlembagaan Persekutuan dijadikan kerangka kedaulatan negara dan panduan untuk menzahirkan pendirian kerajaan terhadap sebarang perjanjian antarabangsa agar tidak bertentangan dengan nilai-nilai yang telah diamalkan di Malaysia hasil daripada sejarah dan kebudayaan tempatan.

Memandangkan kerajaan masih dalam proses melaksanakan tindakan-tindakan di atas, maka Malaysia masih tidak dapat memuktamadkan pendirian negara sama ada berhasrat untuk meratifikasi instrumen ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **SENATOR TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**

TARIKH : **27 MAC 2018 (SELASA)**

NO. SOALAN : **33**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah iltizam Kerajaan untuk berkompromi dan bekerjasama dalam soal memperjuangkan kepentingan jurang perkauman di negara ini terutama dalam soal pembinaan negara bangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya sangat mengambil berat terhadap usaha-usaha untuk memperkuuhkan keharmonian serta merapatkan jurang perkauman ke arah pembinaan negara bangsa melalui inisiatif seperti berikut:

- i) Sentiasa berpegang teguh kepada **Perlembagaan Persekutuan** dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang dan

dijadikan sebagai asas dalam penggubalan dasar dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial dan pendidikan;

- ii) Pendidikan berasaskan prinsip-prinsip **Rukun Negara** yang bertujuan meningkatkan pemahaman dan penghayatan dalam kalangan pelajar sekolah, mahasiswa dan masyarakat umum supaya semangat kekitaan dan patriotisme ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat menyemai rasa sepunya dan saling menghormati dan menghargai di antara satu sama lain;
- iii) Penganjuran pelbagai program kerajaan yang tidak meminggirkan mana-mana kaum di negara ini berdasarkan Prinsip penerimaan dan keadilan sosial yang menjadi tonggak **Gagasan 1 Malaysia** amat penting diterapkan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya sebagai usaha menyatupadu dan mewujudkan sebuah negara yang menjamin keadilan, keamanan dan kesamarataan dalam kalangan rakyatnya. Sehubungan itu, menerima perbezaan antara satu sama lain dan pengamalan nilai-nilai murni antara kaum dan agama (*inter religious common values*) perlu dipupuk dan disemai dalam kalangan rakyat terutama generasi muda agar mereka lebih memahami, mendalami, menerima dan mengamalkan Prinsip Rukun Negara;
- iv) Pelaksanaan semua dasar dan polisi kerajaan adalah secara adil dan seimbang dan menjurus kepada kumpulan sasar yang memerlukan berdasarkan konsep keterangkuman (*inclusivity*) dalam Gagasan 1Malaysia dan **Model Baru Ekonomi** (MEB) yang menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang sosio-ekonomi agar tiada pihak yang terpinggir. Pelaksanaan **Rancangan**

Malaysia ke-11 (RMK11) turut memberi tumpuan kepada peningkatan kesepadan sosial dan perpaduan nasional bagi mengurangkan polarisasi dan ketidaksamaan sosio-ekonomi merentasi wilayah dan kumpulan etnik. Manakala, melalui **Pelan Transformasi Nasional 2050** (TN50), penekanan diberikan kepada perpaduan sebagai batu asasnya yang bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat kerana tanpa perpaduan masyarakat Malaysia, adalah sukar untuk negara ini menghadapi cabaran masa depan yang kian mendatang dan semakin mendesak; dan

- v) **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia** dibangunkan untuk tempoh 2013 – 2025 turut menggariskan pendidikan sebagai asas pembinaan negara bangsa dalam pengukuhan perpaduan. Umumnya pelajar yang berumur 7 – 17 tahun menghabiskan $\frac{1}{4}$ masa di sekolah yang mana dilihat sebagai platform interaksi antara pelajar yang mempunyai kepelbagaian latar belakang, sosio-ekonomi, agama dan etnik. Para pelajar berpeluang memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian dan perbezaan dan secara tidak langsung keadaan ini dapat mewujudkan perkongsian pengalaman dan aspirasi dalam memperkuuhkan perpaduan rakyat. Di samping itu, usaha ini turut direalisasikan melalui **Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan** (RIMUP) sebagai platform menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara pelajar sekolah rendah pelbagai aliran.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk merapatkan

hubungan antara masyarakat yang mempunyai kepelbagaian ini. Antaranya melalui inisiatif seperti berikut:

- a) Penubuhan **Kawasan Rukun Tetangga** (KRT) di kawasan-kawasan perumahan bagi menggalakkan interaksi dan kerjasama penduduk melalui program dan aktiviti yang dijalankan. Usaha ini diteruskan dengan penubuhan **Pasukan Mediator Komuniti** yang terdiri daripada pemimpin masyarakat yang dilatih untuk membantu menguruskan konflik di peringkat komuniti.
- b) **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama** (JKMPKA) ditubuhkan untuk bekerjasama melalui perbincangan, forum atau dialog antara agama yang diwakili oleh ketua penganut agama masing-masing dalam usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan, persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama di negara ini.
- c) Pendidikan perpaduan diterapkan dalam kalangan generasi muda melalui pelajar di peringkat pra-sekolah dengan penubuhan **Tabika Perpaduan dan Taska Permata Perpaduan** di mana prinsip kenegaraan dan penghayatan Rukun Negara turut diterapkan di peringkat anak-anak tersebut. Kurikulum, silibus dan pengisian program di Taska Permata dan Tabika Perpaduan dirangka agar elemen Rukun Negara menjadi amalan anak-anak ini.
- d) Penubuhan dan perluasan **Kelab Rukun Negara (KRN)** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** memberi tumpuan kepada

golongan pelajar di sekolah rendah, menengah serta mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan penghayatan dan pengamalan Prinsip Rukun Negara dalam kalangan generasi muda melalui penerapan dan pengamalan kepada lima (5) prinsip Rukun Negara serta nilai-nilai positif yang terkandung di dalamnya dalam kehidupan seharian.

- e) Pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati serta bekerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- f) Pelaksanaan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada pelajar universiti untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera dan sebaliknya.
- g) Kerajaan bersama **badan bukan kerajaan dan sektor swasta** turut berganding bahu dalam melaksanakan pelbagai program seperti *Moments of Unity, MyHero Award, Unity Run* ke arah meningkatkan keharmonian dan perpaduan negara. Kerjasama antara tiga pihak utama ini dapat memastikan keharmonian dan kemakmuran negara terus dikekalkan.

Kerajaan yakin dan percaya, sekiranya semua pihak bekerjasama dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi untuk memelihara perpaduan, maka kepentingan jurang perkauman

dapat diperjuangkan dan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai ke arah pembinaan negara bangsa yang bersatu-padu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DATO' ONG CHONG SWEN

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

NO. SOALAN : 42

SOALAN : minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah status terkini mengenai penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara atau '*Blueprint*' Pelan Perpaduan Kesepaduan dan Penyatupaduan; dan
- (b) bilakah Rang Undang-undang Harmoni Nasional yang akan menggantikan Akta Hasutan 1948 dibentangkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) melalui Sekretariat Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (NUCC) telah melantik Perunding Individu bagi penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang merupakan Fasa 2 kepada

Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) atau *Unity Blueprint* yang telah disediakan sebelum ini oleh NUCC. Perunding yang telah dilantik adalah YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Bin Baharuddin (Pengarah Pengasas KITA-UKM) bagi penghasilan pelan tindakan ini sebagai meneruskan kesinambungan kepada penglibatan beliau dalam penyediaan PPKPM. Kini, kedua-dua belah pihak (Jabatan dan Perunding) telah menandatangani kontrak perjanjian kajian di mana sebanyak 30% kerja-kerja berkaitannya telah digerakkan dan Pelan Tindakan ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan September 2018. Pihak Jabatan akan mengangkat Memorandum Jemaah Menteri setelah Pelan Tindakan ini dimuktamadkan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Kabinet.

(b) Memang benar, suatu ketika, pengumuman dibuat untuk memansuhkan Akta Hasutan dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional. Namun, Kerajaan telah membatalkan keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 sebaliknya telah mengekalkannya dengan mengukuhkan bahagian-bahagian tertentu melalui pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan Akta Hasutan 1948 yang kemudiannya telah diluluskan oleh Parlimen pada 9 April 2015. Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira senario politik masa kini. Akta sedia ada masih relevan dalam usaha membendung sebarang isu-isu yang boleh mengundang pertelingkahan dan konflik termasuk bagi mengekang ekstremisme dan perbalahan kaum atau agama yang boleh merosakkan negara ataupun mengancam kaum atau penganut pelbagai agama. Kepentingan akta sedia ada dilihat adil dan tidak selektif dalam penguatkuasaannya. Ini memberi keyakinan kepada

rakyat bahawa akta tersebut akan melindungi hak mereka kerana ia bukan semata-mata untuk melindungi agama Islam dan orang Melayu, malah turut berjuang untuk melindungi semua kaum dan penganut agama lain di negara ini.

Manakala tujuan Akta Keharmonian Nasional pula adalah untuk menjaga keharmonian dan keamanan negara. Akta ini bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa ini, Kerajaan berhati-hati untuk membentangkan Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional bagi mengelakkan pertindihan dalam pelaksanaannya kelak dengan akta-akta sedia ada termasuk akta baharu yang akan digubal seperti berita palsu yang menggugat keamanan dan perpaduan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) melalui pasukan *Task Force* secara berterusan mendapatkan input dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan peruntukan yang wajar dimasukkan dalam akta tersebut.

Proses ini bukanlah suatu perkara mudah dan boleh diselesaikan dalam tempoh masa yang tergesa-gesa. Hakikatnya, cadangan penggubalan suatu undang-undang baharu memerlukan ketelitian, kajian, perbandingan dengan undang-undang yang sedia ada serta perbincangan yang mendalam. Ia juga perlu melihat dari pelbagai sudut untuk dikuatkuasakan kelak yang melibatkan masyarakat yang berbeza

dari segi budaya, agama, bangsa, adat resam, pemikiran dan sebagainya. Penelitian dan kajian yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kerajaan dalam menggubal cadangan Akta Keharmonian atau apa jua nama bersesuaian yang akan digunakan untuk akta itu kelak, tidak akan sama sekali membelakangkan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang selama ini menjadi tulang belakang asas penyatuan rakyat berbilang agama dan kaum yang telah diusahakan serta dijadikan asas kukuh oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu dalam mencapai kemerdekaan dan pembentukan negara kita yang tercinta ini.

Sekian, terima kasih.